

BAB ENAM

KATA NAMA JATI (*JĀMID*)

6.0. Pendahuluan

Dalam bab ini akan diuraikan secara berurutan tentang pengertian kata jati (*jāmid*) dan jenis-jenisnya dalam BA dan BM, kerana perbincangan ini berkaitan kedua-duanya, dan diuraikan juga persamaan dan perbezaannya. Turut dibincangkan juga beberapa perkataan seperti ism mawṣūl, ism isyārat, melalui pendekatan tashniyaṭ dan jama' dan ism adad, idāfat, melalui pendekatan pembentukannya. Untuk lebih jelas lagi setiap perbincangan akan diuraikan dalam sub-sub tajuk.

6.1 K.N Jati (*jāmid*) dalam BA

Kata nama jati (*Jāmid*) dalam BA ialah perkataan yang tidak terdapat kata akarnya. Kenyataan ini seperti yang dikatakan oleh Zayn Kāmil al-Ḥuyskiy (1992: 453), dalam bukunya *al-Naḥw wa al-Ṣarf*:

هُوَ مَا لَمْ يُؤْخَذْ مِنْ غَيْرِهِ.

Maksudnya: 'Perkataan yang tidak diambil dari perkataan lain.'

Jadi, KN jati (*ism jāmid*) adalah ism yang tidak diambil dari perkataan yang lain, seperti حَجَرٌ (batu), جِدَارٌ (dinding) dan مَسَاءٌ (waktu petang) رِيحٌ (angin).

Dari contoh-contoh tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa ism *jāmid* dilihat dari segi maknanya terbahagi kepada dua bahagian, iaitu *ism zat* dan *ism makna*. Kedua-dua bahagian ism *jāmid* itu dapat dijelaskan sebagai berikut:

- *Ism zat* (konkrit), iaitu perkataan yang dapat dijangkau oleh pancaindera, seperti sentuh atau rasa dan lihat, misalnya: بَيْتٌ (rumah, مَسْجِدٌ (masjid), dan شَجَرٌ (pohon).

- *Ism makna* (abstrak), iaitu yang tidak dapat dijangkau oleh pancaindera, seperti rasa, sentuh dan lihat, misalnya: عَصْرٌ (waktu asar) مَغْرِبٌ (waktu maghrib), وَقْتُ (masa), رِيحٌ (angin).

6.2. K.N Jati (*Jāmid*) Dalam BM

Kata nama jati (*jāmid*) dalam BM, iaitu perkataan-perkataan yang dihasilkan tidak melalui proses pengimbuhan, samada awalan, akhiran atau apitan. (Lihat, Nik Safiah Karim, 1997: 69.)

Contohnya:

<i>masjid</i>	<i>masa</i>
<i>malaikat</i>	<i>mata</i>
<i>madrasah</i>	<i>matahari</i>
<i>mahgrib</i>	<i>meja dan sebagainya.</i>

Pendek kata, dalam kedua-dua bahasa BA dan BM terdapat perkataan jati (*jāmid*) dan ciri-cirinyapun sama, iaitu sebagai perkataan yang tidak dihasilkan melalui proses pengimbuhan. Bagi mengetahui jenis-jenis jamid dalam kedua-dua bahasa BA dan BM, setiap satunya akan dihuraikan dan diperbandingkan persamaan dan perbezaannya, seperti perincian di bawah ini:

6.3 Kata Ganti Nama (*Ism Ḍāmīr*) dalam BA

Yang dimaksudkan kata GN ialah yang menggantikan diri, sama ada orang pertama, kedua dan ketiga. Pengertian ini selari dengan yang dikatakan oleh ‘Abd al-Hādīy al-Fādīy (1990: 43), dalam bukunya *Mukhtaṣar al-Nahw*, yang mendefinisikannya:

هُوَ اللَّفْظُ الْمَوْضُوعُ لِلْكِنَايَةِ عَنِ التَّكَلُّمِ أَوْ الْمُخَاطَبِ أَوْ الْغَائِبِ
نِيَابَةً عَنِ الْأَسْمَاءِ الظَّاهِرَةِ لِلْإِخْتِصَارِ

Maksksudnya: Kata GN (ḍāmīr) ialah suatu perkataan yang merujuk kepada orang pertama (the first person pronoun), orang kedua (the second person pronoun), dan orang ketiga (the third person pronoun) sebagai ganti daripada ism zāhir bagi tujuan lebih ringkas.

Berdasarkan definisi di atas dapatlah disimpulkan bahawa penggunaan kata GN itu bagi meringkaskan sesuatu perkataan. Pembahagiannya ialah seperti berikut:

- 1- GN orang Pertama (*The first person pronouns*) iaitu untuk orang pertama baik mufrad atau jamak. Contohnya:

أَنَا (saya), نَحْنُ (kami), إِلَيَّ (kepadaku), إِلَيْنَا (kepada kami), huruf *yā'* yang terdapat pada perkataan كَلَّمَنِي (dia berkata kepadaku), huruf *nā* yang terdapat pada perkataan نَظَرْنَا إِلَيْهِ (kami melihat kepadanya), huruf *tā'* yang terdapat pada perkataan قُمْتُ (saya berdiri).

2- GN orang kedua (*The second person pronouns*), seperti: أَنْتَ (kamu lelaki), أَنْتِ (kamu wanita), أَنْتُمَا (kamu berdua lelaki), أَنْتُمَا (kamu berdua wanita), أَنْتُمْ (kamu sekalian lelaki), أَنْتُنَّ (kamu sekalian wanita), إِلَيْكَ (kepada engkau lelaki), إِلَيْكِ (kepada engkau wanita), إِلَيْكُمَا (kepada kamu berdua lelaki), إِلَيْكُمَا (kepada kamu berdua wanita), إِلَيْكُمْ (kepada kamu sekalian lelaki), إِلَيْكُنَّ (kepada kamu sekalian wanita), رَأَيْتُكَ (saya melihat kamu, huruf *kāf* yang terdapat pada perkataan قُمْتُ (saya berdiri), huruf *alif tathniyyat* (*dual*) yang terdapat pada perkataan اُكْتُبَا (tulislah kamu berdua untuk lelaki). huruf *waw jamak* (*plural*) yang terdapat pada perkataan اُكْتُبُوا (tulislah kamu sekalian lelaki), huruf *nūn jamak niswat*

(*feminine plural*) yang terdapat pada perkataan أَكْتَبِينَ (tulistah kamu sekalian wanita).

3- GN orang ketiga (*The third person pronouns*)

Contoh: هُوَ (dia lelaki), هِيَ (dia perempuan), هُمَا (mereka berdua lelaki/perempuan), هُمْ (mereka lelaki), dan هُنَّ (mereka perempuan).

Jenis-jenis pembahagian GN (*ḍamīr*) seperti di atas adalah selari dengan apa yang dikatakan oleh Ibn Mālik (Jld. 1. t.t.: 88):

فَمَا لِيْذِيْ غَيِّبَةٍ أَوْ حُضُورٍ كَأَنْتَ وَهُوَ، سَمٌ بِالضَّمِيرِ

Maksudnya: 'Adapun GN yang menunjukkan orang ketiga (*ghā'ib*) contohnya seperti هُوَ (dia lelaki), dan yang menunjukkan orang kedua (*mukhāṭab*) contohnya seperti أَنْتَ (kamu lelaki). Kedua-dua jenis perkataan itu dikenali sebagai ganti nama (*ḍamīr*).

Perlu dijelaskan di sini bahawa ganti nama (*ḍamīr*) boleh dilihat dari aspek lainnya, iaitu sama ada dizahirkan atau disembunyikan dalam penuturan atau tulisan. Jenis GN (*ḍamīr*) ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu:

(i)- G.N Tersembunyi (*mustatīr*), iaitu GN yang tidak zahir dalam perkataan, tulisan, atau sebutannya (al-Ghalāyīny 1968.1:123); seperti: سَاعِدْ غَيْرَكَ يُسَاعِدْكَ

(bantulah orang lain, nescaya dia kelak akan membantu mu). Kedua-dua perkataan tersebut mengandungi *fā'il* berupa GN (*ḍamīr*), iaitu أَنْتَ untuk

perkataan سَاعِدْ (tolonglah) dan (مُر) untuk perkataan يُسَاعِدْكَ. (dia menolong mu) (Lht. ‘Abbās Ḥasān, Jld.1, t.t. : 198).

G.N (*ḍamīr*) yang tidak zahir atau yang tersembunyi (*mustatīr*) boleh dibahagikan lagi kepada dua bahagian, iaitu tersembunyi secara wajib (*ḍamīr mustatir wujūb*) dan tersembunyi secara tidak wajib (*mustatir jawāz*), seperti penjelasan di bawah ini:

Pertama, G.N wajib disembunyikan (*ḍamīr mustatir wujūb*), “ iaitu G.N yang tidak dapat diganti dengan ism zahir” (*ibid*), iaitu GN yang terdapat pada perkataan seperti berikut:

1- yang terdapat pada kata kerja perintah (*fi’l amr*), seperti قُمْ (berdirilah/ untuk lelaki).

2- yang terdapat pada huruf awal (kata kerja kala kini (*fi’l muḍāri’*), seperti ganti-nama ganti-nama berupa huruf –huruf yang terletak pada kata kerja:

a -kala kini (*fi’l muḍāri’*) hamzat, contoh: أَقُومُ (saya berdiri) . Huruf tersebut

sebagai ganti daripada GN أَنَا, atau huruf *nūn*: نَقُومُ (kami berdiri). Huruf

tersebut sebagai ganti daripada GN نَحْنُ, atau huruf *tā’*: تَقُومُ (engkau berdiri,

untuk lelaki). Huruf tersebut sebagai ganti daripada GN أَنْتَ).

b- yang terdapat pada *ism fi'l amar*, seperti: **صَ** (diamilah), kerana kata

perintah tersebut mengandungi makna kamu, atau GN **أَنْتَ** , begitu juga pada

contoh-contoh yang lainnya.

Daripada penjelasan di atas dapatlah disimpulkan bahawa BA adalah bahasa yang praktis, yakni, GN wajib yang disembunyikan kerana penutur tidak dikatakan bertutur dengan bahasa yang benar dan fasih jika mengatakan **قُمْ**

(berdirilah kamu), kerana di dalam perkataan **قُمْ** sudah mengandungi

makna **أَنْتَ** kecuali penutur tersebut bermaksud bagi menguatkan makna

perintah yang terkandung dalam perkataan **قُمْ** , seperti kata perintah **أَسْكُنْ**

(diamilah), yang terdapat pada firman Allah:

﴿وَقُلْنَا يَا آدَمُ اسْكُنْ أَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ﴾

Maksudnya: Dan Kami berfirman: Hai Adam, diamilah oleh kamu dan isterimu di syurga ini. (Surah al-Baqarah: 55).

Ketentuan tersebut dikuatkan oleh Ibn Mālik (Jld.1.tt: 95)

yang mengatakan:

وَمِنْ ضَمِيرِ الرَّفْعِ مَا يَسْتَتِرُ كَأَفْعَلُ أَوْافِقُ نَعْتِبُ إِذْ تَشْكُرُ

*Maksudnya: 'Di antara damīr rafa' yang mustatīr (tersembunyi), ialah seperti **أَوْافِقُ** (buatlah kamu lelaki),*

(saya setuju), نَعْتَبِطُ (kami puas hati), dan تَشْكُرُ (kamu bersyukur).'

Kedua, GN harus disembunyikan (*ḍamīr mustatar jawāz*,) iaitu GN yang dapat digantikan dengan ism *ẓāhir*”, iaitu GN yang terdapat pada kata kerja seperti berikut:

1- GN yang terdapat pada kata kerja kala kini (*fi'l muḍāri'*), sama ada berupa jenis maskulin, seperti: زَيْدٌ يَقُومُ (Zayd berdiri), kerana KK tersebut sudah mengandungi makna GN هُوَ, yang mewakili ism *ẓāhir* (زَيْدٌ) atau KK yang menunjukkan feminin, seperti: هِنْدٌ تَقُومُ (Hindun berdiri), kerana KK tersebut mengandungi GN هِيَ, yang menggantikan ism *ẓāhir* (هِنْدٌ). Begitu pula GN yang terdapat pada kedua-dua KK kala lampau seperti yang terdapat pada contoh-contoh berikut di bawah ini.

2- GN yang terdapat pada *fi'l māḍī* yang tidak *meraḥa'kan* GN nyata (*bāriẓ*) atau *ism ẓāhir*, seperti: زَيْدٌ قَامَ (Zayd berdiri) هِنْدٌ قَامَتْ (Hindun berdiri)

(Lihat, Muḥammad Ṣālāḥ al-Dīn Muṣṭafā, Jld.1, t.t. : 298, dan al-Ghalāyīny 1968 Jld.1: 122). Seperti yang telah dihuraikan di atas bahawa KK tersebut mengandungi GN yang menggantikan ism *ẓāhir*, tetapi penggantian di sini kedudukannya harus (tidak wajib). Artinya pertanyaan seperti: مَاذَا فَعَلْتُ

.....Boleh dijawab dengan قَامْتُ (berdiri), dan boleh juga dijawab هِنْدٌ

هِنْدٌ قَامَتْ (Hindun berdiri). yakni GN yang terkandung pada KK tersebut

dapat menggantikan ism *ẓāhir* (هِنْدٌ) secara harus.

(ii) GN nyata (*Bariz*), “iaitu GN yang jelas dan terlihat dalam perkataan”

(Ibid). Contohnya seperti GN (*ḍamīr*) yang terdapat pada ayat: أَنَا رَأَيْتُكَ فِي

الْكُلِّيَّةِ (saya melihat kamu di fakulti). Huruf : (أَنَا), (التاء), dan أَلْكَاف dalam ayat

tersebut adalah GN nyata (*ḍamīr bārīz*). Jenis GN ini terbahagi lagi kepada dua bahagian:

1 -terpisah / bercerai (*munfaṣīl*); “ iaitu GN yang dapat diletakan pada permulaan ayat, atau selepas ”إِلَّا (illā’) ” (al-Ghāyīnī 1968.1: 116). Jenis

GN ini terbahagi kepada dua bahagian:

a- GN rafa’ (*Ḍamīr-ḍamīr rafa’*) seperti:

- Untuk orang pertama (*first person*), أَنَا وَنَحْنُ (saya dan kami),

- Untuk orang kedua (*second person*), seperti: أَنْتَ (kamu lelaki), أَنْتِ

(kamu perempuan), أَنْتُمَا (kamu berdua lelaki / perempuan), أَنْتُمْ (kamu

semua lelaki). أَنْتُنَّ (kamu sekalian perempuan).

- Untuk orang ketiga (*third person*), seperti: هُوَ (dia lelaki), هِيَ (dia perempuan), هُمَا mereka berdua lelaki / perempuan), هُمْ (mereka lelaki), dan هُنَّ (mereka perempuan).

b- GN nasab (*ḍamīr-ḍamīr naṣab*) terbahagi kepada:

- Untuk orang pertama (*first person*), seperti: أَنَا (kepadaku, dan kepada kami).
- Untuk orang kedua (*second person*), seperti: إِيَّاكَ (kepada kamu lelaki), إِيَّاكِ (kepada kamu perempuan), إِيَّاهُمَا (kepada kamu berdua lelaki/perempuan), إِيَّاكُمْ (kepada kamu sekalian lelaki.), إِيَّاهُنَّ (kepada kamu sekalian perempuan).
- Untuk orang ketiga (*third person*), seperti: إِيَّاهُ (kepada dia lelaki), إِيَّاهَا (kepada dia perempuan), إِيَّاهُمَا (kepada mereka berdua lelaki / perempuan), إِيَّاهُمْ (kepada mereka lelaki), إِيَّاهُنَّ (kepada mereka perempuan).

2. bersambung, (*muttaṣīl*) “ iaitu GN-GN yang tidak dapat diletakkan pada permulaan ayat, atau selepas *illā'* . Lht. al-Ghalāyīny (1968.1: 116). Jenis GN ini terbahagi kepada dua bahagian:

a- Khas (*Mukhtas*) untuk keadaan *rafa'*, iaitu:

- Untuk orang pertama (*first person*), seperti: GN *tā'* pada perkataan قُمْتُ (saya berdiri).

- Untuk Orang Kedua (*second person*), seperti: GN *tā'* yang terdapat pada perkataan : قُمْتَ (kamu berdiri lelaki), قُمْتِ (kamu berdiri wanita), قُمْتُمَا ،

(kamu berdua berdiri untuk lelaki dan perempuan), قُمْتُمْ (kamu sekalian berdiri

lelaki), قُمْتُنَّ (kamu sekalian wanita berdiri); GN *yā'* yang terdapat pada

perkataan تَقُومِينَ (kamu wanita berdiri) dan قُومِي (berdirilah wanita); GN *nūn*

niswah (GN *nūn* yang menunjukkan feminin) yang terdapat pada perkataan

تَقُمْنِ (kamu sekalian berdiri wanita), dan وَقُمْنِ (berdirilah kamu sekalian

wanita); GN *alif tathniyyat* (*dual*) yang terdapat pada perkataan تَقُومَانِ (kamu

berdua berdiri lelaki), dan قُومَا (berdirilah kamu berdua lelaki / wanita), dan

GN *waw jamak* yang terdapat pada perkataan: تَقُومُونَ (kamu sekalian

berdiri lelaki), dan قُومُوا (berdirilah kamu sekalian lelaki).

-Untuk orang ketiga (*third person*), seperti GN *alif tathniyyat* (*dual*) yang

terdapat pada perkataan: قَامَا (mereka berdua telah berdiri lelaki), dan يَقُومَانِ

(mereka berdua lelaki sedang berdiri); GN *waw jamak* (*plural*), seperti pada

perkataan قَامُوا (mereka lelaki telah berdiri) يَقُومُونَ (mereka lelaki sedang berdiri); dan GN *nūn niswat* (jamak untuk feminin) yang terdapat pada perkataan: قَمْنَ (mereka wanita telah berdiri) dan يَقُمْنَ (mereka wanita sedang berdiri). Ketentuan di atas selari dengan apa yang dikatakan oleh Ibn Mālik , Jld. 1, t.t. : 94):

وَأَلَفٌ وَالْوَاوُ وَالنُّونُ لِمَا غَابَ وَغَيْرِهِ كَقَامَا وَاعْلَمَا

Maksudnya: Adapun huruf alif, waw, dan nūn berfungsi sebagai kata ganti nama yang menunjukkan orang ketiga dan kedua, seperti قَامَا (dua orang lelaki berdiri), dan وَاعْلَمَا (ketahuilah wahai kamu berdua lelaki).

b. Am atau *musytarak* (*common pronoun*), untuk naṣab dan jar, seperti jenis-jenis GN di bawah ini:

- Untuk orang pertama (*first person*), seperti GN *yā'* yang terdapat pada ayat

مُحَمَّدٌ زَارَنِي فِي بَيْتِي (Muhamad mengunjungi saya di rumah saya.)

- Untuk orang kedua (*second person*) , seperti GN *kāf* yang terdapat pada perkataan-perkataan berikut ini:

- نَصَرَكَ (dia lelaki telah menolong kamu lelaki).

- نَصَرَكَ (dia lelaki telah menolong kamu perempuan),

نَصَرَكُمَا (dia lelaki telah menolong kamu berdua lelaki/perempuan),

- نَصَرَكُمْ (dia lelaki telah menolong kamu sekalian lelaki),

- نَصَرَكَ (dia lelaki telah menolong kamu sekalian perempuan),

- Untuk orang ketiga (*third person*), seperti huruf هـ yang terdapat pada

perkataan - perkataan seperti berikut:

(i) Dalam keadaan naṣab:

نَصَرَهُ (dia telah menolongnya seorang lelaki)

نَصَرَهَا (dia telah menolongnya seorang perempuan)

نَصَرَهُمَا (dia telah menolong mereka berdua lelaki/perempuan)

نَصَرَهُمْ (dia telah menolong mereka lelaki)

نَصَرَهُنَّ (dia telah menolong mereka perempuan). GN-GN tersebut menjadi

objek penderita (*maf' 'ul bih*).

Contoh-contoh dalam keadaan jar: هَذَا كِتَابُهُ (ini bukunya lelaki), كِتَابُهَا

(kitabnya perempuan.) كِتَابُهُمَا (buku mereka berdua lelaki atau perempuan),

كِتَابُهُمْ (buku mereka lelaki), كِتَابُهُنَّ (buku mereka perempuan).


Semua GN tersebut menjadi *muḍāf 'ilayh*.

Adapun GN (nā) untuk orang pertama (*mutakallim*) merupakan jenis GN am (*common pronoun*) untuk *rafa'*, *naṣab*, dan *jar*, (*first person*). Ketentuan di atas seperti yang dikatakan oleh Ibn Mālik, Jld.1, t.t. : 93):

لِلرَّفْعِ وَالنَّصَبِ وَجَرًّا "نَا" صَلَحَ كَاعْرِفْ بِنَا فَإِنَّا نَلْنَا الْمَنَحَ

Maksudnya: *Ḍamīr* نَا berfungsi untuk tiga keadaan, iaitu *rafa'*, *naṣab* dan *jar*, seperti كَاعْرِفْ بِنَا فَإِنَّا نَلْنَا الْمَنَحَ (ketahuilah, sesungguhnya kami telah memperoleh kurnia).

Untuk lebih jelas lagi lihat rajah di bawah ini



15-Gambar Rajah 6.1 Kata GN BA.

6.4 Kata Ganti Nama dalam BM

Kata GN dalam BM adalah kata yang menggantikan kata nama di dalam ayat. Di samping itu, kata GN juga dipakai untuk menyatakan hubungan di antara orang yang bercakap, orang yang dilawan bercakap dengan orang atau benda yang dicakapkan. (Lihat, Liaw Yock Fong, 1994 : 21.). Menurut Asmah (1993: 79) dan Arbak Othman (1981:33-37) terdapat tiga taraf sociolinguistik yang berkaitan dengan GN diri orang, iaitu taraf hormat, taraf biasa (*neutral*) dan taraf kasar atau intim, seperti penjelasan di bawah ini:

(a) Ganti Nama Diri Orang Pertama

GN orang pertama adalah perkataan-perkataan yang dipakai bagi menggantikan nama orang yang bercakap. Penggunaan GN-GN ini bergantung kepada taraf orang yang bercakap dan taraf orang yang dilawan bercakap itu. Misalnya perkataan *beta* dipakai oleh orang pertama yang tinggi tarafnya, iaitu keluarga istana, apabila bercakap dengan orang kedua yang rendah tarafnya, iaitu rakyat biasa. Begitulah halnya dengan GN *hamba* dan *patik* yang digunakan sebaliknya. GN *kami* dan *kita* berbeza pemakaiannya berdasarkan liputan orang pertama yang bercakap dengan orang kedua yang dilawan bercakap itu. Rujukan kepada liputan orang kedua ini menjadikan perkataan *kita* digunakan dengan syarat orang pertama yang bercakap itu meliputi orang kedua, manakala *kami* digunakan jika tidak meliputi orang kedua yang dilawan bercakap itu. Untuk lebih jelasnya lagi lihat ketentuan di bawah ini:

- a- Hormat : saya, patik , beta
- b- Neutral : saya , kami , kita, aku, hamba
- c- Kasar / intim : aku

(b) Ganti Nama Diri Orang Kedua

GN orang kedua adalah perkataan-perkataan yang dipakai bagi menggantikan nama orang yang dilawan bercakap (iaitu orang kedua), seperti perkataan-perkataan *awak, engkau, kalian*, dan *anda*. Perkataan-perkataan *engkau, anda* dan *kamu* merupakan GN orang kedua tunggal yang digunakan oleh orang-orang yang biasa sahaja tarafnya, manakala GN *awak* digunakan untuk ditujukan kepada orang kedua yang lebih rendah tarafnya daripada orang pertama yang bercakap. GN orang kedua secara sosiolinguistik dapat dilihat pada ketentuan di bawah ini :

- a- Hormat : Tuan, puan dan sebagainya (sebutan pangkat, gelaran-gelaran)
- b- Neutral : anda , saudara ,saudari
- c- Kasar / intim : kamu , engkau , awak

(c) Ganti Nama Diri Orang Ketiga

GN orang ketiga adalah perkataan-perkataan yang dipakai bagi menggantikan nama orang yang dicakapkan (yakni, orang ketiga), seperti perkataan-perkataan *dia, ia, nya, beliau* dan *mereka*. Perkataan *dia, ia* dan *nya* merupakan GN orang ketiga tunggal, manakala *mereka* adalah GN yang

dirujuk untuk orang ketiga jamak. GN *beliau* biasanya dipakai untuk merujuk kepada orang ketiga yang tarafnya tinggi dan dihormat. Ketentuan-ketentuan yang berikut menyatakan jenis pemakaian GN-GN orang ketiga seperti di bawah ini :

- a -Hormat : beliau , beliau-beliau
- b- Neutral : dia , ia ,nya mereka
- c- Kasar/ intim : dia , mereka

Tiap-tiap kata ganti nama diri mempunyai bentuk mufrad dan jamaknya, seperti ketentuan di bawah ini:

a Orang Pertama. Contoh:

<u>Tunggal</u>	<u>Jamak</u>
beta	
saya	kita, kami
aku	
patik	

b Orang Kedua. Contoh:

<u>Tungal</u>	<u>Jamak</u>
engkau	engkau semua
awak	awak semua
kamu	kamu semua
anda	anda semua

c Orang Ketiga. Contoh:

<u>Tunggal</u>	<u>Jamak</u>
dia	mereka
ia	mereka
beliau	beliau-beliau.

Selain gantinama-gantinama yang telah dihuraikan Menurut Arbak Othman (1981: 38-41), Liaw Yock Fong (1994:19-21), dan Nik Safiah Karim (1993:88) dalam BM terdapat jenis-jenis GN yang lain, iaitu GN *pertanyaan*, GN *umum*, *gantinama penunjuk* dan *gantinama hubungan*, seperti huraian di bawah ini:

1-Ganti Nama Pertanyaan

GN pertanyaan adalah perkataan yang dipakai bagi menggantikan perkataan nama dalam ayat tanya. Perkataan-perkataan ganti nama ini adalah *apa*, *siapa* dan *mana*. Contoh :

1-Itu	buku
<i>Itu</i>	<i>apa ?..</i>
2-Buku	di atas meja.
<i>Apa</i>	<i>diatas meja ?</i>
3-Ali	ada di rumah.
<i>Siapa</i>	<i>ada dirumah ?</i>
4-Orang itu	Aminah .
Orang itu	<i>siapa ?</i>
5-Itu	gurunya.
<i>Mana</i>	<i>gurun</i>

2-Ganti Nama Umum

GN umum adalah perkataan yang dipakai bagi menggantikan nama umum yang tidak tentu seperti *apa* (bagi benda atau barang), *bila* (bagi masa), *bagaimana* (bagi hal atau cara). GN jenis ini biasanya ditentukan oleh keadaan penggunaannya di dalam ayat-ayat yang tertentu, seperti :

- 1-entah *apa* yang dibelinya .
- 2-tiada *siapa* yang datang.
- 3-berilah aku *mana* yang ada.
- 4-belum tentu lagi *bila* masanya.
- 5-buatlah *bagaimana* yang engkau suka.

Dari segi contoh GN umum ini ia sama dengan GN pertanyaan, tetapi jika diteliti secara detail dalam penggunaannya adalah berbeza, kerana GN *umum* dipakai dalam ayat penyata dan ayat perintah sahaja, manakala GN *pertanyaan* dipakai dalam ayat-ayat tanya.

3-Ganti Nama Penunjuk

GN penunjuk adalah perkataan-perkataan yang dipakai bagi menggantikan nama benda yang ditunjuk atau yang dirujuk itu. GN penunjuk dalam BM ialah perkataan *itu* dan *ini*. Perkataan-perkataan ini tergolong sebagai GN, kerana kebolehannya yang dapat menggantikan perkataan nama. Seperti contoh-contoh di bawah ini :

- 1-Ahmad guru.
- Itu* guru
- 2-rumah besar
- itu* besar
- 3-buku tebal
- itu* tebal
- 4-dia menulis buku
- dia menulis *ini*
- 5-jalan tol menggembirakannya
- itu / ini* menggembirakannya

4-Ganti Nama Penghubung

GN penghubung adalah perkataan yang menggantikan nama dalam rangkai kata atau ayat. GN penghubung dalam BM adalah *yang*. Perkataan ini dipakai untuk menghubungkan nama yang mendahuluinya, misalnya :

- 1-pelajar *yang* rajin
- 2-guru *yang* baik
- 3-dia *yang* bekerja.

Perkataan *yang* dianggap GN , kerana ia juga boleh menggantikan perkataan nama yang menjadi asas dalam satu-satu rangkai kata nama. Misalnya:

- Buku *itu / ini* tebal
- Yang* *itu / ini* tebal

6.5 Aspek Persamaan dan Perbezaan

1-Dalam kedua-dua bahasa (BA dan BM) terdapat kata GN, dan mempunyai fungsi yang sama, iaitu bagi menggantikan, sama ada gantinama itu bagi orang pertama, kedua dan ketiga.

2-Dalam BA terdapat kata GN *mufrad* (tunggal) *tathniyyat* (duaan) dan jamak, manakala dalam BM hanya terdapat dua jenis gantinama, *mufrad* dan jamak sahaja.

3-GN pada BM bercirikan ketentuan-ketentuan seperti berikut ini:

(i) Dilihat dari aspek *morfologi*:

a- GN BM tidak terdapat bentuk *tathniyyat* (*dual*)

b- GN BM tidak terdapat genus (maskulin dan feminin)

c- Dalam BM tidak terdapat GN yang dikenali sebagai tersembunyi (*mustatir*) dan nyata (*bariz*) dalam perkataan atau ayat.. Tetapi hakikatnya jika diteliti secara detail kedua-dua jenis GN itu ada dalam BM seperti contoh : *kamu pergi sekolah*

d- Kedua-dua bahasa BA dan BM mengenali kedudukan atau posisi kata GN, seperti dalam keadaan *rafa'* , *naṣab* dan *jar*. Dalam BM dikenali sebagai subjek, predikat dan objek.

(ii) Dilihat dari aspek *sosiolinguistik*.

a-GN BM, mengenali *sosiolinguistik* dalam penggunaan kata GN yang sesuai dituturkan di tengah-tengah masyarakat luas yang terdiri daripada berbagai-bagai golongan. Sedangkan GN dalam BA, tidak mengenali *sosiolinguistik*.

Hanya terdapat beberapa penggunaan, seperti kata GN نَحْنُ (kami) yang menempati kata ganti nama أَنَا (saya), seperti dalam firman Allah:

﴿إِنَّا نَحْنُ نُحْيِي الْمَوْتَىٰ وَنَكْتُبُ مَا قَدَّمُوا وَآثَارَهُمْ﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Kami menghidupkan orang-orang yang mati, dan Kami menulis apa yang telah mereka kerjakan dan bekas-bekas yang mereka tinggalkan. (Surah Yāsin : 12).

b-Kadang-kadang dalam percakapan orang Arab menggunakan أَنْتُمْ (kamu sekalian) padahal yang dilawan bercakap adalah seorang, seharusnya ia menggunakan أَنْتَ (kamu seorang). Penggunaan sedemikian ini dalam BA tidak begitu banyak dituturkan seperti dalam BM, kerana mungkin penutur BM lebih menghormati dan menyesuaikan taraf usia orang yang dilawan bercakap dan kedudukan mereka di tengah-tengah masyarakat majmuk, atau mungkin kerana dia sebagai orang tua, yang lebih tua usianya atau yang mempunyai kedudukan, pangkat dan sebagainya.

4-Dalam BM terdapat jenis-jenis gantinama, seperti GN *pertanyaan*, GN *umum*, GN *penunjuk* dan GN *hubungan*. Jenis-jenis GN tersebut tidak terdapat pada BA, walaupun jika diteliti secara detail perkataan tersebut terdapat dalam BA tetapi dalam tajuk yang lain, misalnya GN *pertanyaan*, persamaannya pada BA ialah أَدَوَاتُ الْإِسْتِفْهَامِ (pertikel kata tanya), kerana *apa* persamaannya dalam BA ialah مَا bagi menanyakan benda, seperti مَا هَذَا (Apa

itu?..) dan *siapa* persamaannya dalam BA ialah مَنْ bagi menanyakan manusia, seperti مَنْ هَذَا (siapa itu ?..) dan *mana* persamaannya dalam BA ialah أَيْنَ bagi menanyakan tempat seperti أَيْنَ جَامِعَةُ مَالَايَا (di mana Universiti Malaya?..).

5-Begitu juga dalam BM terdapat GN umum : *apa,mana, bila* dan *bagaimana*. GN *bila* persamaannya dalam BA adalah مَتَى untuk menanyakan masa, seperti مَتَى صَلَّيْتَ الظُّهْرَ (bila anda sembahyang dhuhur), manakala *bagaimana* persamaannya dalam BA adalah كَيْفَ untuk menanyakan keadaan, perkara atau hal, seperti كَيْفَ حَالُكَ (bagaimana keadaan kamu ?..). Adapun GN penunjuk : *itu* dan *ini* persamaannya dalam BA ialah ذَاكَ (itu), dan هَذَا (ini), yang dihuraikan dalam bab kata penunjuk (*ism isyārat*). Manakala GN penghubung *yang* persamaannya dalam BA ialah الَّذِي (yang) yang dihuraikan dalam bab *mawṣūl* (kata penghubung), bukan pada bab GN dalam BA. Pendek kata, pada kedua-dua bahasa BA dan BM dalam kajian ini terdapat persamaan-persamaan, walaupun melalui pendekatan makna dan dalam bab-bab yang berlainan.

6.6 Kata Penunjuk (*ism isyārat*) dalam BA

Salah satu perkataan yang digolongkan sebagai kata jati (*jamīd*) adalah *ism isyārat* atau dikenali juga sebagai *kata nama penunjuk (the demonstrative)* dalam BM, iaitu kata yang menunjukkan suatu benda yang tertentu. Untuk mengetahui apakah perkataan itu *ism isyārat* atau bukan ada kaedah-kaedahnya yang telah ditetapkan oleh ahli nahw BA. 'Abd al-Hādī al-Faḍlīy (1990: 57), dalam bukunya *Mukhtaṣar al-Nahw*, mendefinisikannya:

هِيَ الْأَلْفَاظُ الْمَوْضُوعَةُ لِلدَّلَالَةِ عَلَى الْمَشَارِإِلَيْهِ، نَحْوُ: هَذَا، وَهَذِهِ.

Maksudnya: Ism isyārat ialah perkataan yang menunjukkan kepada benda yang dimaksudkan atau ditunjukkan, seperti kata "hādhā" (ini lelaki) dan "hādhīhi" (ini wanita).

Dalam BA, penggunaan kata isyārat sangat ditentukan oleh suatu benda yang ditunjuk, baik dari segi bilangan mahupun jantina, begitu juga dari segi jarak (jauh dan dekat). Yang dimaksudkan bilangan sesuatu benda yang ditunjuk adalah seperti tunggal, *tathniyat* (*dual*) dan jamak, dan jantina seperti *mudhakkar* (maskulin) atau *mu'annath* (feminin), sedangkan yang dimaksudkan dengan jarak seperti dekat, pertengahan atau jauh. Jadi secara amnya, benda yang ditunjuk (*musyār ilyh*) itu boleh disenaraikan pembahagiannya sebagai berikut:

Dari segi jarak, dalam erti dekat, sedang dan jauh. Jika benda yang ditunjuk itu dekat, maka berlaku ketentuan-ketentuan sebagai berikut:

- ذَا - untuk *mufrad* yang *mudhakkar*. Contoh: ذَا رَجُلٍ عَالِمٌ (ini orang 'ālim).

- ذِي ، تِي ، ذِهْ ، تَهْ ، تَا - untuk benda *mufrad* yang *mu'annath*. Contohnya: ذِي

المُراةُ العالمةُ (ini wanita 'ālim). Ketentuan ini selari dengan pendapat Ibn Malik,

(Jld. 1, t.t. : 130) yang mengatakan:

بَدَا لِلْمُفْرَدِ مُذَكَّرٌ أَشْبَرُ بِنَدِيٍّ ، وَذِهِ ، تِي ، تَا ، عَلَى الْأُنْثَى اقْتَصِرَ

Maksudnya: dhā, kata isyārāt untuk mufrad mudhakkar, sedangkan dhī .zih dan tī, kata isyārāt untuk mufradah mu'annath.

- ذان , - untuk *muthanna* yang *mudhakkar*, apabila dalam keadaan *rafa'*.

Contoh: ذَانِ الْأُسْتَاذَانِ (dua orang lelaki itu ustaz).

- رَأَيْتُ ذَيْنَ الْأَسَدَانِ (saya melihat dalam keadaan naṣab dan jar. Contoh: ذَيْنَ - ذَيْنَ -

dua orang ustaz).

- تَانِ, - untuk muthanna (dual) yang mu'nnath (feminin.), apabila dalam keadaan

rafa'. Contoh: **تَانِ الْأُسْتَاذَاتَانِ جَاءَتُ** (telah datang dua orang wanita ustazah).

- تُنِ untuk muthanna (dual) yang mua'nnath, apabila dalam keadaan naṣab dan

jar. Contoh: رَأَيْتُ ثَيْنِ الْأَسْتَاذَيْنِ (saya melihat dua oarang ustazah), dan مَرَرْتُ بَيْنِ

الأستاذتين (saya melintasi dua orang ustazah). Kenyataan ini selari dengan

pendapat Ibn Mālik (Jld.1.t.t.: 131):

وَذَانِ، تَانِ، لِلْمُتَنَّى مُرْتَفِعٍ وَفِي سِوَاهُ "ذَيْنِ" "تَيْنِ" أَذْكَرُ نَطْعٍ

Maksudnya: *Dhāni dan tāni kata isyārah untuk muthannā rafak, sedangkan dhayn tayn kata isyārah untuk naṣab dan jar.*

- (أُولَاءِ), - untuk jamak, tanpa mengira jantina, berakal ataupun tidak. Contoh:

﴿أُولَئِكَ الطُّلَابُ نَافِعُونَ فِي مُسْتَقْبَلِهِمْ﴾ (pelajar-pelajar itu akan memberi munfaat pada

masa hadapan mereka). Bagi menguatkan ketentuan ini, Allāh berfirman :

﴿إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya pendengaran, penglihatan, hati, semuanya akan dipertanggung jawapkan disisi Allāh (Surah al-Isrā': 36).*

Ibn Mālik (Jld.1 tt.: 131) mengatakan:

وَبِأُولَى أَشْرِ لِيَجْمَعَ مُطْلَقًا وَالْمَدُّ أَوْلَى،

Maksudnya: *Kata أَوْلَى untuk mengisyaratkan perkataan jamak, baik jamak mudhakkar mahupun mua'nnath, dan perkataan tersebut lebih baik dibaca mad (vokal).*

Jika benda yang ditunjuk itu *jauh*, maka ism isyārah harus ditambah *lam*

(ل) dan *kaf* (ك), seperti penjelasan dan contoh-contoh yang berikut:

a- (ذَلِكَ). Kata *isyārah* yang menunjukkan makna jauh (*bu'di*) untuk maskulin

tunggal (*mufrad mudhakkar*). Contoh:

- ذَلِكَ طَالِبٌ يَجْتَهِدُ يَاعْلِيَّ (Pelajar itu rajin wahai Ali), dan Allāh

berfirman:

- ﴿ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ﴾

Maksudnya: Kitab al-Quran itu tidak ada keraguan padanya
(Surah al-Baqarah : 2).

- b- (تِلْكَ). Kata *isyārat* untuk menunjukkan makna jauh (*bu'di*) untuk feminin

tunggal (*mufradat* *mua'nnathat*).

Contoh:

- تِلْكَ الْمَرْأَةُ صَالِحَةٌ (Wanita itu salihah). Kenyataan di atas selari dengan apa

yang dikatakan oleh Ibn Mālik (Jld.. t.t.:131):

وَلَدَيْ الْبُعْدِ انْطِقَا.....

بِالْكَافِ حَرْفًا دُونَ لَامٍ أَوْ مَعَهُ وَاللَّامُ إِنْ قُدِّمَتْ "هَآ" مُمْتَنِعَةٌ

Maksudnya: Dan ditambah huruf kaf apabila mengisyaratkan jarak yang jauh, seperti ذَاكَ atau ذَلِكَ. Dan apabila ditambah huruf hā tanbīh pada awal kata *isyārat*, maka tidak boleh ditambah lam padanya, seperti هَٰذَاكَ.

- c- (ذَانِكَ). Kata *isyārat* yang menunjukkan makna jauh (*bu'di*) untuk muthanna

(dual) *mudhakkar* (maskulin).

Contoh: ذَانِكَ الطَّالِبَانِ يَجْتَهِدَانِ يَاعْلِيَّ (Dua orang pelajar itu rajin wahai Ali).

Begitu pula ism isyārāt ^{ثُمَّ}, bagi menunjukkan benda yang jauh, seperti:

ثُمَّ مُحَمَّدٌ (Di sana Muhammad). Lht. ‘Abduh al-Rājiḥīy, (1993: 47-50).

Ketentuan ini seperti yang dikatakan oleh Ibn Mālik (Jld.1, t.t. : 136).


وَبِهِنَّ أَوْ هَهُنَا أَشِيرُ إِلَى ذَانِ الْمَكَانِ وَبِهِ الْكَافُ صِلَاً
فِي الْبُعْدِ أَوْ بِسَمِّ فُؤُ أَوْ هُنَا أَوْ بِهِنَّ الْكَافُ انْطِقَنَّ، أَوْ هُنَا

Maksudnya: Hunā atau hahunā merupakan kata isyārat yang digunakan untuk jarak dekat, dan bubuhkanlah kaf apabila menunjukkan jarak yang jauh, atau menggunakan kata isyārat ^{ثُمَّ} هُنَا، هُنَاكَ، هُنَا.

Perlu dijelaskan di sini bahawa pemakaian ^{هُنَاكَ} untuk menunjuk suatu

jarak yang jauh, manakala ^{هُنَاكَ} untuk menunjuk suatu jarak yang lebih jauh lagi.

Untuk lebih jelas lagi lihat rajah di bawah ini:



16- Gambar Rajah 6.2 Jenis-Jenis Kata Penunjuk BA

6.7 Kata Penunjuk (*Ism Isyārat*) Dalam BM

Ism *isyārat* dalam BM dikenali sebagai “ganti nama penunjuk” , atau dikenali juga sebagai “kata tunjuk” , iaitu kata yang menunjukkan suatu benda, sama ada jauh atau dekat. Asmah Hj. Omar (1986: 84) mengatakan:

Ganti nama penunjuk adalah ganti nama yang dengan jelas menunjukkan kepada rujukan berdasarkan ukuran jarak.

Contoh:

Ini lembu / sapi

Masjid *itu* besar

Di kampung *ini* banyak orang ‘ālim

Mereka di *sana* mempelajari ilmu sains dan matematik.

Liaw Yock Fang (1994 : 22-23) menjelaskan bahawa kata “*ini*” dikenali sebagai “kata ganti tunjuk”, berfungsi untuk menggantikan benda atau tempat yang ditunjuk. Antara kata ganti tunjuk yang penting menurut beliau adalah “*ini*” dan “*itu*” (bagi benda), “*sini*” “*situ*” dan “*sana*” (bagi tempat), “*begitu*”, “*begini*” dan “*demikian*” (bagi sifat).

Contoh:

Ini motokar Cikgu Ali

Itu motokar ayah saya

Kami tinggal di *sini*

dia datang dari *sana*

saya tidak suka berkawan dengan budak *begitu*

kamus *beginilah* yang saya sukai

dengan *demikian* hari pun sianglah.

Selanjutnya beliau (*Ibid*) mengatakan jenis kata ganti tunjuk di atas hanya “*ini*” dan “*itu*” yang boleh dianggap sebagai kata ganti tunjuk yang tulen dan mempunyai ciri-ciri kata ganti yang cukup, sedangkan jenis kata ganti tunjuk “*sini*” “*situ*” dan “*sana*” sebenarnya ialah kata nama yang berfungsi sebagai “adverba” yang selalu diawali dengan kata “*di*” “*dari*” dan “*ke*”.

6.8 Aspek Persamaan Dan Perbezaan

Dalam kedua-dua bahasa (BA dan BM) terdapat kata tunjuk yang mempunyai fungsi yang sama, walaupun demikian terdapat perbezaan-perbezaan dari aspek penggunaannya seperti berikut:

1-kata tunjuk dalam BA ditentukan oleh bilangan dan jantina. Ciri-ciri sedemikian ini tidak terdapat dalam penggunaan kata tunjuk BM. Kecuali penggunaan jarak.

2.-sepertimana yang telah diketahui bahawa perkataan dalam BA ada yang *mu'rab* dan ada yang *mabniy*. Kata tunjuk dalam BA salah satu jenis perkataan yang digolongkan sebagai *mabniy*. Ciri sedemikian tidak terdapat dalam BM, kerana BM tidak mengenali *i'rab*.

6.9 *Ism Mawṣūl* (Conjunct name) dalam BA.

Selain daripada ism *isyārah* yang digolongkan sebagai kata nama jati (*jamīd*), begitu juga “*ism mawṣūl*”. *Ism mawṣūl* adalah kata nama sambung, atau sesuatu perkataan yang menghubungkan dengan perkataan yang lain

selepasnya, yang disebut *ṣilaṭ mawṣūl*. Kenyataan ini sesuai dengan apa yang telah diperkatakan oleh al-Ghalāyīnīy (1968 Jld.1: 129) :

الاسْمُ الْمَوْصُولُ: مَا يَدُلُّ عَلَى مُعَيَّنٍ بِوَاسِطَةِ جُمْلَةٍ تُذَكِّرُ بَعْدَهُ، وَتُسَمَّى
هَذِهِ الْجُمْلَةُ صِلَةً الْمَوْصُولِ.

Maksudnya: Ism mawṣūl ialah kata nama yang menunjukkan makna tertentu (khas) dengan perantaraan ayat selepasnya, yang dikenali sebagai ṣilaṭ (ayat yang mengandungi ḍamīr yang kembali kepada ism mawṣūl).

Ism *mawṣūl*, pada hakikatnya mengandungi makna am, seperti جَاءَ

... الَّذِي (Orang yang telah datang ...). Perkataan الَّذِي (ism *mawṣūl*) dalam

ayat tersebut mengandungi makna am, kecuali apabila disertai ayat selepasnya yang dikenali sebagai *ṣillaṭ al-mawṣūl*, atau boleh juga ayat yang selepasnya itu dikenali sebagai sifat, apabila dilihat dari segi maknanya. Jadi, ayat itulah sebetulnya yang menyebabkan ism *mawṣūl* menjadi khas, seperti: جَاءَ الَّذِي

اعتكف في المسجد (Telah datang orang yang beriktikaf dalam masjid). Oleh

yang demikian, definisi di atas mengatakan bahawa ism *mawṣūl* ialah “*ism yang menunjukkan makna tertentu (khas) dengan perantaraan ṣilaṭ*”, walaupun terdapat ism *mawṣūl* yang maknanya tetap am (musytarak). Oleh kerana itu, ism *mawṣūl* dapat dibahagikan kepada ism *mawṣūl* khas dan ism *mawṣūl* am, seperti huraian di bawah ini:

6.9.1 *Ism Mawṣūl Khas:*

al-Ghalāyīnīy (1968:Jld.1:129) mendefinisikan ism *mawṣūl* khas, ialah ism *mawṣūl* yang dapat dibentuk kepada tathniyyat (bentuk dual) dan jamak (plural), sama ada jamak *mudhakkar sālim* (plural masculine) atau *mu'annath sālim* (plural feminine) (*Ibid.*). (Lihat juga Abd al-Hāmid al-Syayd Tilab, Jld.1, t.t.: 105), seperti contoh dan penjelasan di bawa ini:

a- (الَّذِي). Kata *mawṣūl* yang menunjukkan makna tunggal (*mufrad*) maskulin

(*mudhakkar*), sama ada dari jenis yang berakal atau yang tidak berakal.

Dari jenis yang berakal, seperti:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ (segala puji bagi Allāh yang telah

menciptakan bumi dan langit), جَاءَ الَّذِي ذَهَبَ إِلَى مَكَّةَ لِأَدَاءِ عِبَادَةِ الْحَجِّ (telah

tiba orang yang pergi ke Mekah bagi menunaikan ibadah haji).

Dari jenis yang tidak berakal, seperti:

ذَهَبْتُ إِلَى الْمَسْجِدِ الَّذِي صَلَّيْتُ الْجُمُعَةَ فِيهِ - (Saya pergi ke masjid yang tempat saya

solat jumaat di situ).

b- (الَّتِي). Kata *mawṣūl* yang menunjukkan feminin tunggal (*mufradat* yang

m'annath), sama ada dari jenis yang berakal atau tidak berakal.

Dari jenis yang berakal. Contoh: firman Allāh:

﴿قَدْ سَمِعَ اللَّهُ قَوْلَ الَّتِي تُجَادِلُكَ فِي زَوْجِهَا﴾

Maksudnya: Allah mendengar perkataan wanita yang membuat pengaduan kepada engkau mengenai suaminya (Surah al-Mujādilat: 1).

Dari jenis yang tidak berakal, seperti *سَرَأَيْتُ الشَّجَرَةَ الَّتِي تَمُرُّ فِي الصَّيْفِ* (saya melihat pohon yang berbuah pada musim panas).

c- *الَّذَانِ* (Kata *mawṣūl* yang menunjukkan *muthanna* (dual) *mudhakkar*

(maskulin), sama ada dari jenis yang berakal, atau tidak berakal.

Dari jenis yang berakal. Contoh:

- *جَاءَ الَّلَّذَانِ نَبَحًا فِي الْإِمْتِحَانِ* (telah datang dua orang yang telah lulus dalam ujiannya),

Dari jenis yang tidak berakal, seperti:

- *وَصَلَ الْجَمَالَانِ الَّلَّذَانِ كَانَا عَائِدَتَيْنِ مِنَ الْمَرْعَةِ* (dua ekor unta yang telah kembali dari ladang).

Contoh daripada kedua-dua ayat itu adalah dalam keadaan *rafa'*. Manakala dalam keadaan *naṣab* dan *jar* digunakan *الَّذَيْنِ*. Contoh *رَأَيْتُ الرَّجُلَيْنِ الَّلَّذَيْنِ وَصَلَا*

وَمَرَرْتُ بِاللَّذَيْنِ (saya melihat dua orang yang tiba dari Singapura), *مَنْ سِتَغَاوَرَةَ*

وَصَلَا مَنْ سِتَغَاوَرَةَ (saya melintasi dua orang lelaki yang telah tiba dari Singapura).

d- (اللتان). Kata *mawṣūl* yang menunjukkan makna *muthanna* (dual) yang *mu'nnath* (feminin), sama ada dari jenis yang berakal, atau tidak.

Dari jenis yang berakal, seperti: جَاءَتِ الطَّالِبَاتُ اللَّتَانِ كَانَتَا فِي سُنْعَاوَرَةٍ (Telah sampai dua pelajar wanita yang berada di Singapura).

Dari jenis yang tidak berakal, seperti: - وَصَلَتِ السَّيَارَتَانِ اللَّتَانِ عَادَتَا مِنَ الْمَكْتَبِ (dua kereta itu telah tiba yang pulang dari pejabat). Kedua-dua ayat tersebut dalam keadaan *rafa'*, tetapi dalam keadaan *naṣab* dan *jar* digunakan اللَّتَيْنِ

.Contohnya: رَأَيْتُ السَّيَارَتَيْنِ اللَّتَيْنِ كَانَتَا أَمَامَ الْمَسْجِدِ (saya melihat dua buah kereta yang berada di depan Masjid), وَمَرَرْتُ بِالسَّيَارَتَيْنِ اللَّتَيْنِ كَانَتَا أَمَامَ الْمَسْجِدِ (saya melintasi dua buah kereta yang berada di depan Masjid). Ketentuan tersebut seperti yang dikatakan oleh Ibn Mālik (Jld. 1. t.t.: 137):

مَوْصُولُ الْأَسْمَاءِ الَّذِي، أَتَى الْتِي وَأَلْيَا إِذَا مَا تُنْبِئَا لَا تُنْبِتِ

Maksudnya: *Ism mawṣūl* ialah الَّذِي dan الْتِي Dan gugurkan *huruf yā'* apabila ditathniyyatkan.

بَلْ مَا تَلِيهِ أَوَّلُهُ الْعَلَامَةُ وَالتَّوْنُ إِنْ تُشَدُّ فَلَا مَلَامَةُ

Maksudnya: Berikanlah tanda-tanda tathniyyat, seperti alif dan nūn, atau yā' dan nūn, dan huruf nūn tersebut boleh ditasydidkan.

وَالْتَّوْنُ مِنْ ذَيْنِ وَتَيْنِ شُدَّذَا أَيْضًا وَتَعْوِيضٌ بِذَلِكَ قُصِدَا

Maksudnya: Huruf nūn yang terdapat pada dua perkataan, iaitu zayn dan tayn boleh ditasydidkan sebagai ganti daripada huruf yā' yang digugurkan.

c-(الَّذِينَ), *ism mawṣūl* yang menunjukkan makna *jamak muzakkar*(feminin),

untuk jenis yang berakal sahaja, firman Allah:

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ

لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ﴾

Maksudnya: wahai manusia sembahlah Tuhan kamu, yang telah menciptakan kamu sekalian dan orang-orang yang sebelum kamu, agar kamu sekalian digolongkan orang-orang yang bertaqwa (Surah al-Baqarat:21).

f-al-ūla (الأُولَى), *ism mawṣūl* yang menunjukkan makna *jamak muzakkar*, untuk

jenis yang berakal sahaja: Contoh: جَاءَ أُولَى فَازُوا (orang-orang yang berjaya

telah tiba), - وَرَأَيْتُ أُولَى فَازُوا (saya melihat orang-orang yang berjaya).- وَمَرَرْتُ

بِأُولَى فَازُوا (saya melintasi orang-orang yang berjaya).

g-(اللاتِي), *ism mawṣūl* yang menunjukkan makna *jamak mu'annath*, dari pada

jenis yang berakal sahaja, seperti firman Allah:

﴿وَاللَّاتِي يَأْتِينَ الْفَاحِشَةَ مِنْ نِسَائِكُمْ﴾

Maksudnya: mereka kaum wanita yang melakukan perbuatan keji dari isteri-isteri kamu. (Surah al-Nisā': 15).

h- (الائى). *Ism mawṣūl* yang menunjukkan *jamak mu'annath*, daripada jenis

yang berakal sahaja, seperti firman Allāh:

﴿وَاللَّائِي يَنْسَنَ مِنَ الْمَحِيضِ مِنْ نِسَاءِكُمْ﴾

Maksudnya: Wanita-wanita yang putus haid daripada isteri-isteri kamu sekalian. (Surah al-Ṭalāq: 4).

Kenyataan di atas selari dengan apa yang dikatakan oleh Ibn Mālik (Jld. 1 t.t.: 141-142):

جَمْعُ الَّذِي: أُولَى، الَّذِينَ مُطْلَقًا وَبَعْضُهُمْ بِالْوَاوِ رَفْعًا تَطْلَقًا
بِاللَّاتِ وَاللَّاءِ الَّتِي قَدْ جُمِعَا وَاللَّاءِ كَالَّذِينَ نَزَرًا وَقَعَا

Maksudnya: Ism mawṣūl ūlā' ialah bentuk jamak dari الَّذِي. Dan الَّذِي digunakan untuk keadaan rafa', naṣab mahupun jar. Ada sebahagian ahli nahu yang menggunakan waw dalam keadaan rafa'. Dan ism mawṣūl الَّتِي terdapat dua bentuk jamak, iaitu اللَّات dan اللَّاء dan kadang-kadang الَاء digunakan seperti الَّذِينَ

6.9.2 *Ism Mawṣūl Ām (Musytarak)*

Maksud daripada perkataan *musytarak* ialah am, ertinya satu perkataan yang berfungsi untuk berbagai-bagai makna, seperti : *mufrad*, *tathnīyah* dan jamak, begitu juga *mudhakkar* dan *mu'annath*. Ahmad al-Hāsyimīy (1354 H.:101) mendefinisikannya:

هِيَ الَّتِي تَكُونُ بِلَفْظٍ وَاحِدٍ لِلْجَمِيعِ فَيُشْتَرَكُ فِيهَا الْمَفْرَدُ وَالْمُثَنَّى وَالْجَمْعُ،
وَالْمَذَكَّرُ وَالْمُؤَنَّثُ.

Maksudnya: *Ism mawṣūl musytarak* ialah suatu perkataan yang dapat berfungsi untuk semua bentuk, sama ada tunggal, *tathniya* (dual) ataupun jamak, begitu juga mudhakkar dan mu'annith.

6.9.2.1 Jenis Jenis *Mawṣūl Musytarak*

Sepertimana yang telah diuraikan di atas bahawa *Ism mawṣūl musytarak* atau am adalah suatu perkataan yang berfungsi untuk berbagai-bagai makna. Pengertian ini selari dengan apa yang dikemukakan oleh 'Abduh al-Rājiḥīy (1993: 52) dalam bukunya "*al-Taḥbīq al-Naḥw*", beliau menjelaskan bahawa bilangan *ism mawṣūl musytarak* ada lima, iaitu:

1- (مَنْ). Untuk yang berakal. Contoh:

جَاءَ مَنْ نَجَحَ- (telah datang orang yang lulus)

جَاءَ مَنْ نَجَحَا- (telah datang dua orang yang lulus)

جَاءَ مَنْ نَجَحُوا- (Telah datang orang-orang yang lulus).

Begitu juga boleh mengatakan:

جَاءَ مَنْ نَجَحَتْ، مَنْ نَجَحَتَا، مَنْ نَجَحْنَ- (Telah datang seorang wanita yang

lulus, dua orang wanita yang lulus, wanita- wanita yang lulus).

2- (مَا). Untuk yang tidak berakal.

﴿رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا مَا قَدَّمْنَا مِنْ ذُنُوبِنَا وَمَا أَخَّرْنَا - (wahai Tuhan kami ampunilah dosa-

dosa kami, dosa-dosa yang terdahulu dan yang kemudian), dan Allah berfirman:

﴿وَمَا مِنْ دَابَّةٍ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا﴾

Maksudnya: Dan tidak ada satu binatang pun melainkan Allah lah yang memberi rezki (Hūd: 6).

3-(أَ). Untuk yang tidak berakal. Ism mauṣūl jenis ini syaratnya harus

menggunakan huruf (مَا) ataupun man (مَنْ). Contoh:

- مَا ذَا فِي الْغُرْفَةِ (Apa yang ada di dalam bilik)

- مَنْ ذَا أَنْجَحَ (Siapa yang lulus).

5-(أَلْ). Untuk yang berakal dan yang tidak berakal, mufrad, *tathniyyat* dan

jamak. Contoh: جَاءَنِ الْكَاتِبُ، أَوِ الْكَاتِبَةُ، أَوِ الْكَاتِبَانِ، أَوِ الْكَاتِبَتَانِ، أَوِ الْكَاتِبُونَ، أَوِ

الْكَاتِبَاتُ (telah datang kepada saya seorang juru tulis lelaki, wanita, dua orang

lelaki, dua orang wanita, beberapa orang lelaki dan beberapa orang wanita).

4-(أَيُّ) untuk yang berakal dan yang tidak berakal.

Contoh yang berakal:

- سَيَفُوزُ أَيُّهُمْ بِجَهَنَّمَ (akan berjaya siapa sahaja yang bersungguh-sungguh).

Contoh yang tidak berakal:

- سَيَمُوتُ أَيُّ حَيْرَانٍ لَا يَأْكُلُ طَعَامًا يَكْفِيهِ (Haiwan apapun akan mati jika tidak makan yang mencukupinya).

5-(ذُو). Untuk yang berakal dan yang tidak berakal:

Contoh yang berakal:

- جَاءَ ذُو نَجْحَ (Telah datang orang yang lulus),

- وَرَأَيْتُ ذُو نَجْحَ (Saya melihat orang yang lulus)

- وَمَرَرْتُ بِذُو نَجْحَ (Saya melintasi orang yang lulus). (Lht:

Abduh al-Rājiḥīy 1993: 52-54) dan ('Abbās Ḥasan t.t : 306-333.). Kenyataan di atas selari dengan apa yang dikatakan oleh Ibn Mālik (Jld.1 t.t: 146):

وَمَنْ وَمَا "أَل" تُسَاوِي مَا ذُكِرَ وَهَكَذَا "ذُو" عِنْدَ طَيِّءٍ شَهْرٍ

Maksudnya: *Ism mawṣūl* من , ما , ال , berfungsi untuk semua jenis, dan bilangan, begitu juga ذُو

وَمِثْلُ "مَا" "ذَا" "بَعْدَ مَا اسْتَفْتَيْتُمُ" أَوْ "مَنْ" إِذَا لَمْ تُلْغَ فِي الْكَلَامِ

Maksudnya: *Dhā* ialah seperti *mā*, demikian ini apabila didahului oleh huruf *istifhām* "mā" atau "man", jika *man* itu tidak *mulghat* (disia-siakan).


وَصِفَةُ صَرِيحَةٍ صِلَةُ "أَل" وَكَوْنُهَا بِمُعَرَّبِ الْأَفْعَالِ قُلْ

Maksudnya: *Ṣifāt ṣariḥat* (ism fā'il, maf'ul dan ṣifāt musyābihat) adalah merupakan ṣilat bagi mawṣūl al (ال), dan ṣilat tersebut dianggap sedikit jika berupa fii'l yang mu'rab.

أَيُّ كَمَا وَأُعْرِبْتَ مَا لَمْ تُضَفْ وَصَدْرُ وَصَلِهَا ضَمِيرٌ أُخْدَفَ

Maksudnya: Ayyun sepertimana mā, dan dii'rabkan selagi tidak dimudāfkan, dan awal ṣilatnya mengandungi damir yang disembunyikan

Untuk lebih jelas lagi lihat gambar rajah di bawah in



18-Rajah 6.3 Pembahagian KN Mawṣūl BA

6.10 KN Penghubung (*Ism Mawṣūl*) Dalam BM

Ism mawṣūl dalam BM adalah yang, dikenali juga sebagai “*Kata Penghubung Relatif*” (Asmah 1993), iaitu yang berfungsi sebagai keterangan kepada perkataan atau salah satu unsur dalam ayat induk, yakni sebagai subjek, objek atau predikat nama.

Contoh:

- Orang *yang* datang itu sahabat karib saya
- Universiti ini mengeluarkan siswazah *yang* cukup terlatih
- Ayahnya adalah seorang pemimpin *yang* ulung di negara ini. (Lht.Asmah Hj Omar 1993: 201-202).

Liaw Yock Fang (1994:158) pula mengatakan bahawa "*yang*" merupakan perkataan yang digunakan untuk menggantikan kata nama, yang dikenali sebagai "*Kata Ganti Penghubung*" seperti contoh-contoh di bawah ini:

- Orang *yang* rajin itu tentu berjaya
- Masjid *yang* terletak di Kampung ini baru dibangunkan.
- Dia telah berjanji *yang* dia tidak akan bercakap bohong lagi.
- Muhamad mengatakan *yang* wang sebanyak seratus ringgit itu sudah dibelanjakan.

Pada contoh ayat pertama dan kedua kata "*yang*" sebagai kata ganti nama, sedangkan kata "*yang*" dalam ayat ketiga dan keempat jarang terdapat dalam penuturan BM, yang selalunya menggunakan "*sesungguhnya*" (Lht.Liaw Yock Fang 1994:24 -25).

6.11 Aspek Persamaan dan Perbezaan

Sepertimana pada kata ganti tunjuk, pada *ism mawṣūl* kedua-dua bahasa (BA dan BM) pun ada persamaan dan perbezaannya. Masing-masing kata sambung (*ism mawṣūl*) pada kedua-dua bahasa BA dan BM berfungsi bagi

menyambungkan satu ayat kepada ayat yang lain, seperti pada contoh-contoh di atas, walaupun terdapat perbezaan-perbezaan seperti di bawah ini:

1-*Ism mawṣūl* (kata penghubung) dalam BA harus sesuai dengan perkataan yang selepas dan sebelumnya, baik dari segi maskulin (*mudhakkar*) mahupun feminin (*mua'nnathnya*).

2-Dalam BA *ṣilat mawṣūl* yang mengandungi *ḍamīr* harus sesuai dengan *ism mawṣūl*nya sama ada dari segi jantina mahupun bilangannya. Ketentuan seperti ini tidak terdapat pada kata penghubung BM, kerana penggunaan perkataan BM tidak mengenal kesesuaian jantina (gender) atau bilangan.

6.12 KN Bilangan (*Ism 'Adad*) dalam BA

Jenis kata jati (*ism jāmid*) yang kelima ialah *kata nama bilangan*. Dalam kajian ini akan diuraikan kata nama bilangan dari aspek tunggal (*mufrad*), tersusun (*murakkab*), puluhan (*'uqūd*) dan pola (*ṣiḡhat*) *fā'il*.

6.12.1 Kata Bilangan Tunggal

Kata bilangan tunggal iaitu kata bilangan dari satu hingga sepuluh (1-10).

Turut digolongkan dalam kata bilangan tunggal, ialah kata bilangan مائة

(seratus) dan ألف (seribu) مليون (juta)...

6.12.2 Kata Bilangan Tersusun.

Kata bilangan tersusun (*murakkab*) adalah yang terdiri daripada dua perkataan yang disatukan. ‘Abbās Hasan (tt. Jld.4: 484) mendefinisikannya : “*Kata bilangan tersusun adalah yang mempunyai susunan tarkīb majziy yang mengandungi makna khusus yang tidak terdapat pada perkataan sebelumnya*” , seperti kata bilangan dari 11 hingga 19. Contoh: أَحَدَ عَشَرَ، اِثْنَيْ عَشَرَ، ثَلَاثَةَ عَشَرَ،
(11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19)

6.12.3 Kata Bilangan Puluhan (عدد العقود).

Yang dimaksudkan dengan kata bilangan ini ialah bilangan puluhan, seperti:..... عِشْرُونَ ، ثَلَاثُونَ ، أَرْبَعُونَ ، خَمْسُونَ ، سِتُونَ، سَبْعُونَ ، ثَمَانُونَ، تِسْعُونَ
(20,30,40,50,60,70,80,90.) dan lainnya.. (Lht. Ibn Hājib 1998 Jld.3: 366), seperti dalam firman Allah:

﴿إِنْ يَكُنْ مِنْكُمْ عِشْرُونَ صَابِرُونَ يَغْلِبُوا مِائَتِينَ﴾

Maksudnya: Jika ada dua puluh orang yang sabar di antara kamu nescaya mereka dapat mengalahkan dua ratus orang musuh (Surah al-Anfāl: 65.)

﴿وَوَاعَدْنَا مُوسَى ثَلَاثِينَ لَيْلَةً﴾

Maksudnya: Dan telah kami janjikan kepada Musa (memberikan Taurat) sesudah berlalu waktu tiga puluh malam (Surah al-'rāf: 142).

Perlu dijelaskan di sini bahawa khusus untuk kata bilangan tunggal dapat ditinjau dari dua aspek, iaitu pertama yang dihitung (*ma'dūd*) dan kedua ialah *tamyīznya*, seperti huraian di bawah ini

1-Apabila sesuatu yang dihitung (*ma'dūd*) itu dari jenis perkataan maskulin (*mudhakkar*) dalam bentuk jamak, maka kata bilangannya harus ditambah *tā' marbūṭa*, seperti: جَائِنِي ثَلَاثَةَ رِجَالٍ (datang kepada saya tiga orang lelaki),

اِشْتَرَيْتُ خَمْسَةَ كُتُبٍ (saya membeli lima buah buku). Penggunaan sebegini

terdapat dalam firman Allāh :

﴿وَتَمَانِيَةَ أَيَّامٍ...﴾

Maksudnya: dan tujuh hari (Surah al-Haqqat: 7)

Ibn Mālik (Jld. 2, t.t. : 405) menegaskan:

ثَلَاثَةٌ بِالتَّاءِ قَلٌّ لِلْعَشْرَةِ فِي عَدِّ مَا أَحَادُهُ مُذَكَّرَةٌ

Maksudnya: Tambahkan *tā' marbūṭa* bagi kata bilangan dari tiga hingga sepuluh, apabila yang dihitung itu berupa kata *mudhakkar* (maskulin).

2- Apabila *ma'dūd* (benda yang dihitung) itu jenis perkataan yang *mu'annath* (feminin) yang bukan *mu'annath haqīqī*, seperti perkataan لَيْالٍ (beberapa malam), غُرْفٍ (bilik-bilik) (muṣḥaf- muṣḥaf), iaitu dari kata tunggal (mufrad) لَيْلَةٍ، غُرْفَةٍ، مُصْحَفٍ, maka kata bilangannya tidak boleh ditambah *rā'* *marbūṭat*, seperti: سَهَرْتُ ثَلَاثَ لَيَالٍ (saya berjaga selama tiga malam), اسْتَأْجَرْتُ أَرْبَعَ غُرَفٍ (saya menyewa empat bilik). (Lht. Ibn Ḥājjib Jld. 3: 379).
Penggunaan sebegini terdapat juga dalam firman Allāh:

﴿سَخَّرَهَا عَلَيْهِمْ سَبْعَ لَيَالٍ﴾

Maksudnya: Allāh menimpahkan angin kepada mereka selama tujuh malam (Surah al-Hāqqat: 7).

Perlu dijelaskan di sini bahawa kata bilangan ratusan (مائة) kadang-kadang dimuḍāfkan (disandarkan) kepada kata jamak, seperti: هُوَ يَشْتَرِي مِائَةَ (dia membeli seratus buah rumah) Ketentuan tersebut selari dengan apa yang diktakan oleh Ibn Mālik (Jld.2, t.t. : 406):

وَمِائَةٌ وَالْفُ لِلْفَرْدِ أَضِفْ وَمِائَةٌ بِالْجَمْعِ تَزُرُّ قَدْ رُدِفْ

Maksudnya: Dan dimuḍāfkan bilangan مِائَةٌ dan وَالْفُ kepada kata mufrad (tunggal), dan hukumnya sedikit bilangan miao مِائَةٌ dimuḍāfkan kepada kata jamak

6.12.4 Kata Bilangan Pola *Fā'il*

Di samping pola-pola kata bilangan seperti yang telah diuraikan di atas, terdapat juga pola bilangan yang berbentuk *Ṣiḡhat fā'il*. Pola tersebut untuk menunjukkan makna *tarṭīb* (urutan). 'Abbās Ḥasan (tt. Jld.4: 515) mengatakan.

“Setiap perkataan dari kata kerja yang terdiri dari tiga huruf dapat menerbitkan *ism fā'il*nya اسم فاعل (kata pelaku). Menurut teori tersebut

boleh dipraktikkan juga pada *ism 'adad* secara *samā'ī*, seperti... ، الثالث ، الرابع ،

الخامس ، السادس ، السابع ، الثامن ، التاسع ، العاشر

(ketiga, keempat, kelima, keenam, ketujuh, delapan, kesembilan, kesepuluh ...). Ketentuan tersebut kerana *ism 'adād* dalam BA adalah dari jenis perkataan jati (*jamid*) yang tidak dapat ditaṣrif atau diterbitkan secara qiyāsiy, malah ia dihukumkan *samā'iy*.

6.12.4.1 Penggunaan Pola *Fā'il*

Pola *ism 'adād* yang berbentuk *wazan fā'il* فاعل dalam penggunaannya

digabungkan dengan perkataan ثلث عشر yang mengiringinya, seperti:

..... (ketiga belas), رابع عشر (keempat belas) ، خامس عشر (kelima belas)،

سادس عشر (keenam belas). Begitu juga *ism 'adad* tersebut boleh dimajmukkan

(dimuḍafkan kepada perkataan lainnya) seperti: ثَانِي اثْنَيْنِ (kedua daripada dua

orang itu) ثَالِثٌ ثَلَاثَةٍ (ketiga daripada tiga orang itu) (Lht. Ibn al-Ḥājib 1998

Jld.3: 384-385, ḍān ‘Abās Ḥasan tt.Jld.4: 516-518). Penggunaan sedemikian terdapat dalam firman Allah:

﴿إِذْ أَخْرَجَهُ الَّذِينَ كَفَرُوا ثَانِي اثْنَيْنِ إِذْهُمَا فِي الْغَارِ﴾

Maksudnya: Apabila orang-orang kafir Mekah mengeluarkannya (dari Mekah) sedang dia salah seorang dari dua orang ketika berada dalam gua (Surah al-Taubat: 40).

﴿وَلَقَدْ كَفَرَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ ثَالِثُ ثَلَاثَةٍ﴾

Maksudnya: Sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang mengatakan “Bahawa Allah salah satu dari yang tiga” (Surah al-Māidah: 72).

﴿مَا يَكُونُ مِنْ نَجْوَى ثَلَاثَةٍ إِلَّا هُوَ رَابِعُهُمْ، وَلَا خَمْسَةٍ إِلَّا هُوَ سَادِسُهُمْ﴾

Maksudnya: Tiada pembicaraan yang rahasia di antara tiga orang melainkan Dia-lah yang keempatnya. Dan tiada pembicaraan antara lima orang melainkan Dia-lah yang keenamnya (Surah al-Mujādalah: 7)

6.13 KN Bilangan (Ism ‘Adad) dalam BM

Kata bilangan dalam BM adalah perkataan-perkataan yang menyatakan bilangan sesuatu nama pada sesuatu rangkai kata (Arbak Othman t.t. 49). Dalam kajian ini penulis berpandukan buku Asmah Hj. Omar (1993) dan Liaw Yock Fang (1994) yang menghuraikan jenis-jenis kata bilangan dilihat daripada

aspek morfologi seperti: *kata bilangan tunggal, kata bilangan ordinal (tingkat), kata bilangan pecahan, kumpulan dan kata bilangan berimbuhan.*

6.13.) Kata Bilangan Tunggal

Kata bilangan tunggal adalah kata yang menunjukkan bilangan seperti *satu, dua, tiga empat, lima, enam, tujuh, delapan, sembilan....* Iaitu kata-kata bilangan yang mufrad (singular). Termasuk digolongkan kata bilangan mufrad ialah *seratus, seribu, sejuta, selaksa (seketi)*. Contoh :

- Orang itu membelikan isterinya *dua* bentuk cincin emas
- Gaji bapak saya *seribu* ringgit sebulan
- Murid sekolah itu *sejuta* orang.

Asmah Hj. Omar, (1982 : 77-78) menjelaskan, bahawa “Pembentukan kata nombor dalam bahasa Melayu terdapat kaedah pencampuran / atau pendaraban secara teratur. Konsep *belas* adalah konsep pencampuran kepada *sepuluh*, misalnya: *sebelas, dua belas, tiga belas* dan sebagainya. Sedangkan konsep *puluh, ratus, ribu, juta, laksa, keti* melambangkan pendaraban dengan *sepuluh, seratus* dan sebagainya. Contoh: *dua puluh* = dua kali sepuluh
tiga puluh=tiga kali sepuluh
empat puluh=empat kali sepuluh dan lainnya .

6.13. Kata Bilangan Tingkat (Nombor Ordinal)

Kata bilangan tingkat ialah kata bilangan yang menunjukkan bilangan tingkat di dalam suatu urutan. Kata bilangan tingkat ini dibentuk dengan awalan *ke*, seperti *kesatu*, *kedua*, *ketiga*. Kata bilangan tingkat selalu diletakkan di belakang kata nama dan diberi pula kata ganti penghubung *yang*. Contoh:

- Anak yang *kedua* pergi sekolah
- Buku jilid yang *ketiga* sudah dijual
- -Bulan hijrah yang *kedua belas* ialah Zulhijah

6.13.3 Kata Bilangan Pecahan

Kata bilangan pecahan, biasanya menggunakan awalan *per-* yang bererti daripada. Misalnya *satu perdua* atau *seperdua* ($1/2$) *dua pertiga* ($1/3$) *tiga perlima* ($3/5$) *satu persepuluh* ($1/10$) dan *tujuh perseratus* atau *tujuh peratus* ($7/100$)

6.13.4 Kata Bilangan Kumpulan

Kata bilangan kumpulan adalah kata bilangan yang terdapat awalan *ber* yang mengandungi makna banyak, samaada imbuhan tersebut terdapat pada kata bilangan, seperti :

Berjuta-juta, beribu-ribu, bratus-ratus, berpuluh-puluh dan yang lainnya.

Atau kepada kata ukuran, seperti, :

Berhari-hari, berminggu-inggu, berbulan-bulan bertahun-tahun

6.13.5 Kata Bilangan Berimbuhan

Selain daripada kata-kata bilangan yang telah disebutkan di atas, dalam BM terdapat kata bilangan berimbuhan. Antara kata bilangan yang sering digunakan dengan kata bilangan tentu ialah:

1. *ber-* *Beratus* orang menghadiri pertemuan itu.
2. *ke-* (kardinal) atau (ordinal) *Kedua* orang penjahat itu telah ditangkap polis.

Tempat yang *kedua* dimenangi oleh Ahmad.

3. *per-* *Dua perlima* (2/5) pelajar tidak datang hari itu.

Kelulusan sekolah kami mencapai *seratus peratus* (100 /.)

4. *an.* *Ribuan* kaum pekerja yang mengganggur di Barat.

Puluhan tahun lamanya dia merantau.

per...an Pertumbuhan ekonomi kita tahun ini ialah tujuh *perpuluhan lima* (7.5), *peratusan* pelajar yang lulus peperiksaan akhir tahun sudah bertambah.

5. *se-* Awalan ini sering kali digunakan dalam kata bilangan BM seperti pada ketentuan-ketentuan berikut ini:

a-sebelum kata *nombor*. Contoh: *seratus*

b-sebelum kata kuantiti *tiap* dan *suku*, yakni: *setiap*, *sesuku*.


c-merupakan unsur dari kata nombor atau kata kuantiti tertentu.

Contoh: *setengah*, *separuh*, *sekalian*.

d-sebelum kata nama ukuran. Contoh: *sehari*, *seminggu*, *semeter*,

sehelai, *setitik*, *segelintir*, *sehasta*, *sekelumit*....

f-sebelum penjodoh bilangan. Contoh: *sebuah, seorang, dan sebagainya*. Untuk lebih jelas lihat gambar rajah di bawah ini:



18-Gambar Rajah 6.4 Pembahagian Kata Bilangan BM

6.14 Aspek Persamaan dan Perbezaan

Dalam kedua-dua bahasa (BA dan BM) terdapat kata bilangan, tetapi terdapat beberapa persamaan dan perbezaan, seperti penjelasan berikut ini:

1-Dalam BA dan BM terdapat bilangan tunggal (*mufrad*) iaitu dari satu hingga sepuluh, untuk BA, dan dari satu hingga sembilan untuk BM, termasuk juga digolongkan kata bilangan tunggal (*mufrad*) dalam kedua-duanya ialah bilangan *seratus, seribu, juta*...

2-Kedua-dua bahasa terdapat kata bilangan *tersusun* seperti *dua belas, empat belas, lima belas, enam belas* walaupun penamaannya berbeza dalam BA dikenali sebagai kata bilangan *tersusun (murakkab)*, sedangkan dalam BM sebagai kata bilangan *belasan* dan kata bilangan *puluhan ('uqūd)*, yang dimulai dari *dua puluh*, seperti *tiga puluh, empat puluh, lima puluh* dan seterusnya. Dalam BM kata bilangan tersebut dikenali sebagai *kata nombor penggolong* (Lht. Asmah 1993: 88).

3- Kedua-dua bahasa BA dan BM mempunyai pola *penjodoh bilangan*. Dalam BA dikenali sebagai kata bilangan yang *dimajmukkan (dimudāfkan)*, iaitu dua perkataan dirangkaikan menjadi satu yang mengandungi makna khusus, walaupun terdapat perbezaan-berbezaan penggunaannya. *Penjodoh bilangan* dalam BA harus berlawanan jantina, yakni, jika yang dihitungkan itu berupa kata maskulin (*mudhakkar*), maka kata bilangannya harus berupa kata feminin (*mu'annath*), seperti جَاءَنِي ثَلَاثَةُ رِجَالٍ (datang kepada saya tiga orang lelaki);

dan apabila yang dihitungkan itu berupa kata feminin (*mu'annath*), maka kata bilangannya harus berupa kata maskulin (*mudhakkar*), seperti اشْتَرَيْتُ ثَلَاثَ سَيَارَةٍ (saya membeli tiga kereta).

Pola sedemikian ini tidak terdapat dalam BM kerana BM tidak mengenal kelamin kata dalam penggunaan kata bilangan.

4-Pada kedua-dua bahasa (BA dan BM) terdapat kata bilangan tingkatan (nombor ordinal). Hanya bezanya kata bilangan jenis ini dalam BA boleh dimajmukkan (*dimudāfkan*) seperti contoh-contoh di atas.

5- Kata bilangan dalam BM terdapat huruf imbuhan, seperti awalan *se-* untuk *sepuluh, seratus, sejuta selaksa* dan sebagainya, *ber-* untuk *berpuluh-puluh, beratus-ratus, berjuta-juta*, dan seterusnya. Pola seperti ini tidak terdapat dalam BA, kerana kata bilangan dalam BA berupa ism jati (*jāmid*) yang tidak menerima huruf imbuhan, walaupun mungkin terdapat perkataan-perkataan bilangan yang mengandungi makna yang serupa dengan awalan *se* seperti عَشْرَةٌ (sepuluh), مِائَةٌ (seratus) dan مِلْيُونٌ (sejuta...), *ber* seperti عَشْرَاتُ (berpuluh-pulu),

عَشْرَاتُ (berpuluh-pulu), مِائَاتُ (beratus-ratus) dan مِلْيَاتُ (berjuta-juta), *ke*, seperti الثَّلَاثُ (ketiga).

(ketiga) الرَّابِعُ (keempat), dan الْخَامِسُ (kelima), dan lainnya. Sememangnya

terdapat makna yang serupa, seperti pada contoh-contoh di atas, walaupun melalui pendekatan yang berbeza.

6-Dalam BM terdapat jenis-jenis kata bilangan yang tidak terdapat dalam BA seperti: kata bilangan di bawah ini:

a-kuantiti. Contoh *setengah, separuh, sekalian*, walaupun terdapat persamaannya dalam BA melalui pendekatan makna perkataan lain, seperti:

بِـلَـاـنِـا (bilangan) نِصْفٌ (separuh) جَمِيعٌ (sekalian), tetapi perkataan itu tidak digolongkan kata bilangan pada BA.

b-ukuran, seperti: *semeter, sehari, seminggu, sebulan....* Walaupun terdapat makna perkataan yang sama pada BA, seperti: سَبْعُونَ (sehari) يَوْمٌ (semeter) مِثْرٌ

(seminggu) شَهْرٌ (sebulan), tetapi perkataan ini tidak digolongkan kata bilangan.

c-pecahan, seperti: *sepertiga, dua pertiga, seperempat....* walaupun perkataan tersebut terdapat dalam BA, tetapi tidak digolongkan kata bilangan seperti: ثُلَاثٌ

(seperempat) رُبْعٌ (dua pertiga) اِثْنَانِ وَثُلَاثٌ (sepertiga) ثُلَاثٌ digolongkan kata bilangan.

7-Dalam BA terdapat perbezaan jantina di antara kata bilangan dengan yang dihitung, iaitu dari tiga hingga sepuluh, seperti pada contoh-contoh di atas. Pola sedemikian ini tidak terdapat dalam BM.

8-Benda yang dihitung dalam BA harus dibaca dengan baris atas (*naṣab*) bagi kata bilangan dari sebelas (11) hingga sembilan puluh sembilan (99). Seperti:

إِنِّي رَأَيْتُ أَحَدَ عَشَرَ طَالِبًا فِي الْكُلِّيَّةِ (saya melihat dua belas pelajar di kuliyyah),

dan lain sebagainya. Ketentuan sedemikian ini tidak terdapat dalam BM kerana BM bukan bahasa yang mu'rab.

6.15 Kata Nama Majmuk (*Idāfat*) dalam BA

Salah satu bentuk perkataan jati (*jāmid*) dalam BA adalah pola *majmuk* atau dalam BA dikenali sebagai *KN idāfat*, iaitu percantuman dua atau tiga perkataan sehinggalah menjadi satu pola tertentu yang mengandungi makna khusus, al-Khudāriy (1994 Jld.2: 2) mendefinisikannya :

نِسْبَةٌ تَقْيِيلِيَّةٌ بَيْنَ اثْنَيْنِ تُوجِبُ لثَانِيهِمَا الْجَرَ أَبَدًا

Maksudnya : Suatu ikatan (percantuman) yang berlaku di antara dua perkataan yang mengakibatkan dibaca jar pada perkataan yang keduanya.

Dari maksud definisi di atas, maka *ṣiḡhat idāfat* dalam BA mengandungi makna pengkhususan, seperti contoh رَأَيْتُ كَلِيَّةَ اللُّغَةِ الْعَرَبِيَّةِ (saya melihat Fakulti Bahasa Arab). Tetapi jika ayat tersebut berbunyi رَأَيْتُ كَلِيَّةَ

(saya melihat sebuah fakulti) maka ia tidak dapat difahami, kerana masih mengandungi makna *am*, maka wujudnya perkataan kedua yang dicantumkan pada perkataan yang pertama mengandungi makna seperti yang tersebut di atas. Makna penghususan yang terkandung pada *ṣiḡḥah* tersebut menurut al-Ghalāyīnīy (1968 Jld.3 : 206) adalah salah satu daripada makna-makna seperti di bawah ini:

1-*Lāmiyyat*: iaitu jika percantuman pola *idāfat* mengandungi makna *lam al-milk* (kepunyaan) atau pengkekhususan bagi seseorang, seperti *هذه سيارة على* (ini kereta Ali).

2-*bayāniyyat* : iaitu jika percantuman pola *idāfat* mengandungi makna *mīn*, iaitu apabila *muḍāf ilyh* (perkataan yang kedua) sejenis dengan *muḍāf* (perkataan yang pertama), seperti *هذا باب خشب* (ini pintu kayu).

3-*ẓarfīyyat*: iaitu jika percantuman pola *idāfat* mengandungi makna *fī* , iaitu apabila perkataan yang kedua (*muḍāf ilyh*) berupa kata keterangan tempat (*ẓārf makan*) bagi *muḍāf*, seperti *كان محمد رفيق المدرسة* (Muhamad itu kawan di madrasah).

Bentuk-bentuk (*ṣiḡḥat*) di atas serta makna yang terkandung di dalamnya secara am yang tidak lari daripada makna pengkhususan atau dalam kata lain dikenali sebagai makna *ta'rif*. Oleh yang demikian Ibn Mālik (Jld. 2 tt : 41) mengatakan yang maksudnya: Dan bacalah *jar* pada perkataan yang kedua (*muḍāf ilyh*) yang mengandungi salah satu daripada makna, *mīn* atau *fī* , dan apabila tidak mengandungi kedua-dua makna tersebut, maka *ṣiḡḥat idāfat* itu mengandungi makna *lam*.

Dalam kaitan ini pola *idāfat* dalam BA ada yang dikenali sebagai *idāfat maḥḍat* (*maknawīyyat*) yakni, bentuk *idāfat* yang mengandung makna *takḥṣīs* (penghususan), iaitu apabila perkataan yang kedua (*muḍāf ilah*) berupa *ism nakirah* (KN am), seperti هَذَا كِتَابُ رَجُلٍ (buku ini milik seorang lelaki) dan *takrif* jika perkataan yang kedua (*muḍāf ilah*) berupa kata nama *makrifat* (KN khas), seperti هَذَا بَيْتُ مُحَمَّدٍ (rumah ini milik Muhamad). Yang kedua *ghyir maḥḍat* (*lafẓiyyat*), iaitu apabila perkataan yang pertama (*muḍāf*) berupa *ism sifat* yang serupa dengan *fi 'l muḍāri'* pada fungsinya, seperti *ism fā'il*, *ism maf'ūl* yang mengandung makna sekarang (kala kini) atau yang akan datang dan *ṣifāt musyābahat*, demikian itu selari dengan apa yang dikatakan oleh Ibn mālīk (Jld. 2 tt : 42):

وَإِنْ يُشَابِهَ الْمُضَافُ "يَفْعَلُ" وَصِفًا، فَعَنْ تَكْوِينِهِ لَا يُعَدُّ

كَرُبَّ رَاجِنَا عَظِيمِ الْأَمَلِ مُرَوِّعِ الْقَلْبِ قَلِيلِ الْحِيلِ

وَذِي الْإِضَافَةِ اسْمُهَا لَفْظِيَّةٌ وَتِلْكَ مَحْضَةٌ وَمَعْنَوِيَّةٌ

Maksudnya; Apabila *muḍāf* itu menyerupai *fi 'l muḍāri'* dan menjadi *ism sifat* maka *muḍāf* tersebut tetap mengandung makna *nakirah* (am) seperti contoh: رَبُّ رَجِينَا عَظِيمِ الْأَمَلِ مُرَوِّعِ الْقَلْبِ قَلِيلِ الْحِيلِ (banyak orang yang mengharapkan kami, iaitu orang yang besar dan tinggi cita-citanya yang hatinya selalu gemetar serta sedikit angan-angannya). Jenis *idāfat* seperti ini namanya *idāfat lafẓiyyat* sedangkan yang itu namanya *idāfat ma'nawīyyat*.

Setelah penulis menghuraikan jenis-jenis *ṣiḡhat idāfat* dan makna yang terkandung di dalamnya, berikut ini turut dihuraikan juga beberapa perkataan BA yang harus *dimuḍāfkan*, sama ada kepada *ism mufrad zāhir* mahupun *ḍamīr*, atau kepada ayat (*jumlat*), sama ada *ismiyyat* mahupun *fi'liyyat* seperti penjelasan di bawah ini:

1-*dimuḍāfkan* kepada *ism zāhir* atau *ḍamīr*. Contoh-contohnya:

a- *كل* , seperti: *كُلُّ امْرِئٍ بِمَا كَسَبَ رَهِيْنٌ* (setiap orang bertanggungjawab

terhadap apa yang dilakukannya), dan *dimuḍāfkan* kepada *ism ḍamīr*, seperti:

الطُّلَابُ كُلُّهُمْ نَشِيْطُونَ (pelajar-pelajar itu semuanya bersungguh-sungguh)

b- *بعض* , seperti: *بَعْضُ الْاِنْسَانِ غَيْرُ صَالِحٍ لِلْمُصَاحِبَةِ* (sebahagian manusia tidak patut

dijadikan kawan), dan *dimuḍāfkan* kepada *ism ḍamīr* seperti *بَعْضُهُ* *الْمُسْلِمُ يَتَعَاوَنُ*

بَعْضًا (orang muslim satu dengan yang lainnya saling tolong menolong).

c- *غير* , seperti: *غَيْرُ الْمَغْضُوْبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ* (mereka yang tidak dibenci dan juga

tidak sesat), dan *dimuḍāfkan* kepada *ism ḍamīr* seperti: *الْمُسْلِمُ يَسْتَعِيْنُ بِاللّٰهِ دُوْنَ*

غَيْرِهِ (seorang muslim mohon pertolongan kepada Allah, dan bukan kepada

yang lainnya)

d- أَيُّ , seperti : أَيُّ رَجَالٍ تُصَاحِبُهُ (lelaki-lelaki manakah yang engkau jadikan kawan), dan *dimuḍāfkan* kepada *ism ḍamīr* seperti: أَيُّهَا تَخْتَارُهَا : الأَعْمَالُ الصَّالِحَةُ كَثِيرَةٌ (amal-amal salih sangat banyak, yang manakah engkau pilih).

Selain daripada perkataan-perkataan yang selalu *dimuḍāfkan* kepada dua jenis perkataan di atas, terdapat juga beberapa perkataan yang harus *dimuḍāfkan* kepada:

(i)- *ism ḥāḥir* sahaja seperti perkataan-perkataan di bawah ini:

a- أُولُو , seperti: أُولُو الْفَضْلِ (Bapa-bapa itu memiliki keutamaan).

b- أُولَاتُ , seperti أُولَاتُ نِعْمَةٍ (para ibu mempunyai pemberian *ni'mat*).

c- ذُو , seperti: الْمُسْلِمُ ذُو عَمَلٍ صَالِحٍ (seorang muslim itu mempunyai amal yang sāleh).

d- ذَاتُ seperti: الْمُسْلِمَةُ ذَاتُ شَخْصِيَّةٍ مَرْغُوبَةٍ (wanita muslimah itu mempunyai keperibadian yang disukai / baik).

(ii) *ism ḍamīr* sahaja seperti perkataan-perkataan di bawah ini:

a- لَيْكَ , seperti: لَيْكَ أَيُّهَا الدَّاعِي لِلْخَيْرِ (saya menyahut ajakan seorang yang menyuruh kepada kebajikan)

b- سَعْدَيْكَ , seperti: سَعْدَيْكَ أَيُّهَا الْمُسْتَعِينُ (saya merasa gembira terhadap orang yang menolong)

c- هَذَا ذِكْرُ , seperti: هَذَا ذِكْرُ أَهْلِ الْمَسْلَمِ (cepat-cepatlah wahai orang muslim)

(iii) -*dimuḍāfkan* kepada ayat, sama ada ayat kerjaan (*fi 'liyyat*) mahupun namaan (*ismiyyat*), seperti contoh-contoh di bawah ini:

1-jumlat *fi 'liyyat*:

a- حَيْثُ seperti: فَكُلُوا مِنْهَا حَيْثُ شِئْتُمْ (maka makanlah dari hasil buminya yang

kamu sekalian sukai./ *al-Baqarah* : 58).

b- إِذْ seperti: وَإِذْ يَرْفَعُ إِبْرَاهِيمُ الْقَوَاعِدَ مِنَ الْبَيْتِ وَإِسْمَاعِيلُ (dan ingatlah ketika

Ibrahim meninggikan / membina dasar-dasar Baitullah bersama Ismail / *Surah al-Baqarah*: 127)

2 -jumlat *ismiyyat* sama ada berupa ism *zāhir* mahupun *ḍamīr* seperti rincian di bawah ini:

a- كِلَا , *dimuḍāfkan* kepada ism *zāhir* seperti: كِلَا الرَّجُلَيْنِ عَالِمَانِ (kedua-dua orang

itu 'ālim), dan kepada ism *ḍamīr*, seperti: وَكِلَاهُمَا مَالِيزِيَانِ (dan kedua-duanya

orang Malaysia)

b- كِلْتَا , *dimuḍāfkan* kepada ism *zāhir*, seperti: كِلْتَا الطَّالِبَتَيْنِ مُتَفَوِّقَتَانِ (kedua-dua

pelajar wanita itu cemerlang), dan kepada ism *ḍamīr*, seperti: وَكِلْتَاهُمَا مِنْ كُتْلِيَّةٍ

(dan kedua-duanya dari Fakulti Bahasa Arab).

c- أَيُّ رَجُلٍ فاز بالسبق , seperti: أَيُّ رَجُلٍ فاز بالسبق (lelaki

manakah yang berjaya dalam kejohanan), dan kepada ism *ḍamīr*, seperti:.

والمسلمون مطيعون أَيْهِمْ أَقْرَبُ إِلَى اللَّهِ (orang-orang Islam adalah taat, siapakah di antara mereka yang paling hampir kepada Allah).

مَشَيْتُ مِنْ لَدُنْ الْبَيْتِ إِلَى الْجَامِعَةِ: لَدُنْ *dimuḍafkan* kepada *ism zāhir*, seperti:

(saya berjalan kaki dari rumah ke Universiti), dan kepada *ism ḍamīr*, seperti: رَبَّنَا

رَبَّنَا (wahai Tuhan kami berikanlah rahmat dari sismu).

عِنْدَ: *dimuḍafkan* kepada *ism zāhir*, seperti: الْكِتَابُ عِنْدَ مُحَمَّدٍ (kitab itu ada di

samping saya), dan kepada *ism ḍamīr*, seperti: وَعِنْدَهُ كِتَابٌ جَدِيدٌ (dan dia

memiliki kitab yang baru).


ف- *dimuḍafkan* kepada *ism zāhir*, seperti: تَجَحَّحَ الطُّلَابُ فِي الْامْتِحَانِ غَيْرِ الطَّالِبِ

الْمُهْمِلِ (pelajar-pelajar itu berjaya dalam ujiannya, selain pelajar yang malas)


dan kepada *ism ḍamīr*, seperti: الطَّالِبَتَانِ مُتَفَوِّقَتَانِ فِي الْامْتِحَانِ دُونَ غَيْرِهِمَا (dua

pelajar wanita itu cemerlang dalam ujiannya, selain mereka berdua). Untuk lebih


jelas lihat gambar rajah di bawah ini:



19-Gambar Rajah 6.5 Pembahagian Kata Majmuk (Idāfat)BA.



21-Gambar Rajah 6.6 Jenis -Jenis Makna K Majmuk (Idāfat) BA.



22-Gambar Rajah 6.7 Perkataan-Perkataan BA Wajib Mudāf .

6.16 Kata Nama Majmuk (*Idāfat*) dalam BM

Pola pemajmukan dalam BM ialah proses yang menggabungkan dua kata dasar atau lebih untuk menghasilkan satu bentuk kata yang membawa makna atau maksud tertentu.. Pengertian ini selari dengan apa yang dikatakan oleh Nik Safiah Karim (1993: 54) yang mendefinisikannya: *Kata majmuk ialah bentuk yang dihasilkan melalui proses yang merangkaikan dua kata dasar atau lebih, yang membawa makna tertentu, dan kata majmuk bertindak sebagai satu unit.*

Oleh yang demikian pemajmukan perkataan ialah percantuman kata-kata dasar daripada mana-mana golongan kata, dan percantuman ini membawa maksud baru kepada kata dasar tersebut, dengan berpandukan penulisan-penulisan yang akan dihuraikan di bawah ini.

6.16.1 Penulisan Kata Majmuk

Adapun cara penulisananya bergantung kepada kebiasaan. Ada yang ditulis dengan menggabungkan, dua perkataan misalnya: *keretapi*, *kapalterbang* dan lain-lain, ada yang ditulis berpisah misalnya: *menteri besar*, *rumah sakit*, *balai polis* dan lain-lain. Oleh yang demikian, menurut Liaw Yock Fang (1994: 163) dalam bukunya *Nuhu Melayu Moden* mengatakan: “*Penulisan kata majmuk merupakan satu masalah yang sukar dihuraikan. Dalam bahasa Inggeris juga tidak ada peraturan yang tetap tentang penulisan kata majmuk. Misalnya bedroom (bilik tidur) dirangkaikan, tax-free (bebas cukai) dihubungkan dengan sempang dan reading materials (bahan bacaan) dipisahkan penulisannya.*

Beliau menambahkan (Ibid) dalam BM juga terdapat kesimpang-siuran dalam penulisananya, itu adalah perkara yang lumrah. Walau bagaimanapun, penerbitan buku *Daftar Ejaan Rumi Bahasa Melayu* pada tahun 1981 telah banyak berjasa dalam penyelarasan ejaan bahasa Melayu dengan ejaan baru, pasti dapat mempercepatkan penyelarasan ejaan bahasa Melayu terutama cara penulisan kata majmuk yang masih simpang-siur itu. Untuk membuktikan hakikat di atas, maka didapati dua bentuk penulisan kata majmuk dalam BM ada yang *terpisah* dan ada pula yang *menyatu*. Contoh-contoh yang *terpisah* seperti di bawah ini:

gambar rajah	kapal terbang
kereta api	nasi minyak

rumah tangga	tengah hari
jalan raya	bandar raya
Perdana Menteri	Profesor Madya
Raja Muda	Penolong Pendaftar.

Manakala yang *terpisah* seperti contoh-contoh yang dikemukakan oleh Ab. Razak Ab. Karim (1994:154) terdapat 29 kata majmuk yang telah mantap serta utuh, walaupun terdapat beberapa perkataan selain kata nama. Kata-kata ini dieja sebagai satu kata atau menyatu, walaupun ia mengandungi dua kata dasar. Kata –kata tersebut ialah:

1-antarabangsa	16-barangkali
2-apabila	17-beritahu
3-apahal	18-darihal
4-apalagi	19-daripada
5-apakala	20-bumiputera
6-bagaimana	21-dukacita
7-jawatankuasa	22-sediakala
8-kakitangan	23-setiausaha
9-kepada	24-sukacita
10-kerjasama	25-sukarela
11-manakala	26-suruhanjaya
12-manalagi	27-tandatangan
13-olahraga	28-tanggungjawab
14-padahal	29-warganegara
15-pesuruhjaya	

Selain daripada kata majmuk yang telah diuraikan di atas, terdapat sejumlah perkataan yang tergolong dalam golongan kata tertentu yang secara lazimnya dieja bercantum, walaupun perkataan-perkataan tersebut tidak semuanya berupa kata nama, seperti contoh-contoh di bawah ini:

- | | |
|-------------------|--|
| 1-kata nama | peribadi, dinihari, peribahasa, perikemanusiaan |
| 2-kata ajektif | sukacita, dukacita. |
| 3-kata sendi nama | kepada, daripada |
| 4-kata hubung | apabila, apakala, walhal, manakala, padahal, darihal,
barangkali, kadangkala. |
| 5-kata tanya | bagaimana (Lht. Nik Safiah Karim 1993 : 75) |

6.16.2 Penggandaan Kata Majmuk

Penggandaan kata majmuk melibatkan penggandaan unsur pertama sahaja, seperti contoh-contoh di bawah ini:

alat-alat tulis	gambar-gambar rajah
bala-balai raya	kapal-kapal terbang
suku-suku kata	garis-garis pusat
Menteri-Menteri besar	Naib-Naib Canselor
Penolong-Penolong Pendaftar	Ketua-Ketua Menteri

Kecuali penggandaan yang melibatkan bentuk yang telah mantap; penggandaannya yang melibatkan keseluruhan unsur. Contohnya :

Pesuruhjaya-pesuruhjaya
Warganegara-warganegara
Jawatankuasa-jawatankuasa
Setiausaha-setiausaha

6.16.3 Pengimbuhan Kata Majmuk

Sebagaimana kata majmuk dapat digandakan seperti yang telah diuraikan di atas, kata majmuk juga boleh menerima imbuhan untuk menghasilkan kata terbitan. Pengimbuhan kata majmuk menurut Nik Safiah Karim (1993:76) terdapat dua bentuk, iaitu:

- (i) apabila kata majmuk menerima imbuhan untuk menghasilkan *awalan* atau *akhiran* sahaja, ejaannya tetap terpisah, seperti contoh-contoh di bawah ini:

campur aduk	<i>bercampur aduk</i>
ambil alih	<i>mengambil alih</i>
temu bual	<i>ditemu bual</i>
daya serap	<i>daya serapan</i>
- (ii) apabila kata majmuk menerima imbuhan yang merupakan apitan, ejaannya menjadi bercantum, seperti contoh-contoh di bawah ini :

campur aduk	<i>mencampuradukkan</i>
daya serap	<i>kedayaserapan</i>
garis pusat	<i>menggarispusatkan</i>
satu padu	<i>menyatupadukan</i>

6.17 Aspek Persamaan dan Perbezaan

Dalam kedua-dua bahasa BA dan BM terdapat pola *majmuk*, tetapi terdapat beberapa persamaan dan perbezaan seperti yang akan diuraikan di bawah ini:

1-Bentuk kata majmuk dalam BA mengandungi salah satu makna seperti yang telah disebutkan di atas, dan pola itu terbahagi kepada dua bahagian iaitu *maḥḍat* dan *ghayr maḥḍat* (*maknawīyyat* dan *lafziyyat*). Dari pembahagian tersebut maka lahirlah makna *ta'rif* dan *takḥṣīs* jika *idāfat* berupa *maknawīyyat* seperti ketentuan-ketentuan di atas. Ciri sedemikian ini tidak terdapat pada pola majmuk BM, hanya mungkin terdapat beberapa kata majmuk dalam BM yang mengandungi makna khas, seperti *Menteri Besar*, *Ketua Menteri*, *Naib Canselor*...

2-Kata majmuk dalam BA terdiri daripada rangkaian dua perkataan atau tiga, dan ditulis mengikut pola khusus bagi menunjukkan perkataan dalam BA yang akhirnya melahirkan makna-makna seperti di atas. Ciri sedemikian ini tidak terdapat pada kata majmuk BM, kerana penulisan KM dalam BM ada yang bercantum dan ada pula yang tidak, dan KM dalam BM tidak menitikberatkan makna-makna tersebut seperti KM BA.

3-Kata Majmuk dalam BA hanya terdiri daripada kata nama, manakala kata majmuk dalam BM terdiri daripada kata nama dan perkataan-perkataan lainnya seperti kata sifat, sendi nama, dan lainnya seperti yang tersebut di atas.

4-Kata majmuk dalam BM dapat digandakan dan menerima imbuhan. Ciri sedemikian ini tidak terdapat pada kata majmuk dalam BA, kerana kata majmuk

dalam BA hanya terdiri daripada kata jati (*jāmiḍ*) yang tidak menerima fonem-fonem imbuhan, di samping tidak dapat digandakan.

6.18 KN Gabungan (*al-Asmā al-Murakkabat*) dalam BA

Jenis ism yang digolongkan kata nama jati (*jāmiḍ*) adalah perkataan yang tersusun (*al-asmā al-murakkabat*). Yakni, perkataan dalam BA jika dilihat dari satu segi terdapat dua jenis. Pertama ialah perkataan *mufrad* (tunggal), dan yang kedua ialah *murakab* (tersusun / dua perkataan), seperti contoh-contoh berikut:

1-Al- '*adad al-murakkab* الْعِدْدُ الْمُرَكَّبُ (kata bilangan yang tersusun) iaitu dari

bilangan sebelas 11- hingga 19, selain bilangan 12.

Sepertimana yang telah dihuraikan pada bab kata bilangan, bahawa kata bilangan dapat dibezakan dari segi jantina maskulin (*mudhakkar*) dan feminin (*mua'nnath*).

Jika muzakkar contoh-contohnya:

جَاءَ أَحَدَ عَشَرَ رَجُلًا- (Telah datang dua belas orang lelaki)

Allah berfirman :

﴿إِنِّي رَأَيْتُ أَحَدَ عَشَرَ كَوْكَبًا﴾

Maksudnya: saya melihat sebelas planet(Surah Yusuf:4)

Jika mu'annath contoh-contohnya:

جاءت إحدى عشرة امرأة- (Telah datang dua belas orang wanita)

2- *Zaraf* yang tersusun . Contohnya:

عبدُ الله يأتينا صباحَ مساءَ - (Abdullāh datang kepada kami setiap pagi dan petang).

3- *Tarkīb Mazjīy* تركيبٌ مزجيّ (dua perkataan yang dirangkaikan menjadi satu) .

Contoh:

ذهبتُ إلى بعلبك- (Saya pergi ke Ba'labaka).

6.19 KN Gabungan (*al-Asmā al-Murakkabat*) dalam BM

Dalam BM *al-asmā al-murakkabat* dikenali sebagai “*KN gabungan*” sama ada berupa jenis kata bilangan nombor yang tersusun, kata ganda dan tarkib majzi.

Dalam kajian ini, yang dimaksudkan dengan *al-asmā al-murakkabat* dalam BM ialah seperti jenis-jenis perkataan berikut:

6.19.1 Kata Bilangan Berlapis

Seperti yang telah diuraikan terdahulu, bahawa kata nombor dalam BM dari satu hingga sembilan masing-masing terdiri daripada satu morfem bebas, sedangkan kata nombor belasan, seperti *sebelas, dua belas, tiga belas,*

dan seterusnya, kata nombor itu terdiri dari kata berlapis. (Lht. Asmah Hj. Omar 1982: 75)

6.19.2 Kata Ganda

Termasuk digolongkan *kata nama berlapis* ialah kata ganda yang menggandakan kata dasar, samaada penggandaan *penuh* atau *berentak*, seperti huraian berikut ini:

6.19.2.1 Penggandaan Penuh

Penggandaan penuh ialah proses yang menggandakan keseluruhan kata dasar, sama ada mengandungi imbuhan ataupun tidak, seperti contoh:

<i>Pulau-pulau</i>	<i>mandi-mandi</i>
<i>buku-buku</i>	<i>suku-suku</i>
<i>cantik-cantik</i>	<i>minum-minum</i>
<i>tinggi-tinggi</i>	<i>mata-mata</i>
<i>tiba-tiba</i>	<i>kura-kura</i>
<i>seratus-seratus</i>	<i>seribu-seribu</i>
<i>berjam-jam</i>	<i>bertahun-tahun</i>

6.19.2.2 Penggandaan Berentak

Penggandaan berentak ialah proses yang menggandakan kata dasar mengikut rentak bunyi tertentu dalam kata dasar.

Contoh:

Sayur-mayur

Kuch-mueh

Selok-belok

Lauk-pauk

6.19.3 Kata Gabungan Majziy (*Tarkīb Majzī* BM)

Dalam BM tidak terdapat perkataan yang dikenali sebagai "*tarkīb majzīy*" Mungkin yang mendekati pola ini adalah *kata majmuk* iaitu dua perkataan yang dirangkaikan menjadi satu. Gorys Keraf (1984:124) mendefinisikannya "*Gabungan dari dua kata atau lebih yang membentuk suatu kesatuan erti*" Definisi ini tidak dapat mencakupi keseluruhan persoalan kata majmuk, kerana setiap bahasa mempunyai konsep-konsep tersendiri tentang hakikat dan wujudnya kata majmuk.

Pada amnya struktur kata majmuk menurut Nik Safiah Karim (1997:73) adalah sama seperti kata biasa, iaitu tidak dapat dipecahkan lagi kepada bahagian-bahagian yang lebih kecil. Apabila kita pecahkan maka hilanglah hakikat kata majmuk itu.

Contoh:

Saputangan

orangtua

Matahari

panjangtangan

Kakitangan

antarabangsa

Setiausaha

bumiputra

Jawatankuasa

landatangan


Kerjasama

warganegara

Olahraga

pesuruhjaya

Perkataan-perkataan tersebut menurut sistem ejaan baru tidak boleh dipecah-pecahkan sehingga menjadi dua perkataan yang akan menghilangkan kekhususan makna kata majmuk. (Lht. Nik Safiah Karim 1997 : 75). Untuk lebih jelas lihat rajah di bawah ini:



23-Gambar Rajah 6. 8 Jenis-Jenis KN Gabungan BM

6.20 Aspek Persamaan dan Perbezaan

1-Dalam kedua dua bahasa BA dan BM terdapat perkataan yang dikenali sebagai "*perkataan berlapis atau tersusun*". Dalam BA perkataan tersebut dikenali sebagai "*majziy atau murakkab*" sama ada dari jenis bilangan belasan, kata ganda mahupun kata majmuk.

2-Persamaan ini hanya terhad pada struktur pembentukannya sahaja dan bukan pada ciri-ciri yang lain, yang khas pada BA, kerana kedua-dua bahasa tersebut

berlainan rumpun, sudah pasti masing-masing terdapat ciri-ciri yang khusus. seperti “*i'rabnya*”, dalam BA.

6.21 KN Jamak dan Jenis Jamak dalam BA

Sepertimana telah dahulu hurainnya pada bab empat, bahawa perkataan dalam BA apabila dilihat dari segi maknanya ada yang mengandungi makna tunggal dan ada pula yang mengandungi makna jamak. Apabila perkataan itu mengandungi makna jamak, tetapi tidak ada bentuk tunggalnya (*mufrad*), maka perkataan itu disebut kata *nama jamak* (*the noun of plural*), seperti perkataan جَيْش (tentera), شُعْب (penduduk), قَوْم (kaum) dan قَبِيلَة (kabilah). Perkataan – perkataan itu terdapat bentuk mufradnya, tetapi dari perkataan lain yang berbeza, iaitu جُنْدِي، امْرَأَة، رَجُل (lelaki, wanita dan tentera). Dengan perkataan lain, perkataan-perkataan di atas adalah sebagai *mufrad* (jika dilihat dari segi lafaznya), dan *jamak* (jika dilihat dari segi maknanya). Hakikat ini seperti pada ayat-ayat di bawah ini:

القَوْمُ قَامَ (kaum itu berdiri). Ertinya perkataan “ *al-qawm*” menduduki kata *mufrad* (tunggal); dan القَوْمُ قَامُوا (kaum itu berdiri). Ertinya perkataan “ *al-qawm*” sebagai kata jamak, jika dilihat dari segi maknanya, kerana perkataan tersebut mengandungi makna segolongan manusia. Walaupun perkataan جُنْدِي (جُنْدِي) bentuk mufrad dari perkataan lain, iaitu جَيْش bentuk jamak, namun kedua-duanya (mufrad dan jamak) berasal daripada perkataan yang berbeza.

Oleh yang demikian, perkataan itu dikenali sebagai *ism jamak* (Lht. al-Ghalāyīnīy (Jld.2, 1968 : 64-65); dan Muḥammad Ṣalāh al-Dīn Muṣṭafā,(Jld 1, t.t. : 103).

Selain itu terdapat kata *nama jenis jamak* (*the plural genus noun*) yang mengandungi makna jamak, tetapi ada mufradnya, apabila ditambah akhiran *tā' marbūṭat* atau *yā' nasab*, seperti تَمْرٌ، بُطِيحٌ، تَفَاحٌ (tamar, tembikai dan apel).

Jadi bentuk mufradnya adalah تَمْرَةٌ، بُطِيخَةٌ، تَفَاحَةٌ. Ketentuan tersebut selari

dengan apa yang dikatakan oleh Ibn Ya'isy, dalam bukunya *Syarḥ al-Mufaṣṣal* (Jld.1, t.t. :25), yang mengatakan bahawa "*tā' ta'nīth* yang terdapat pada perkataan tersebut bagi membezakan di antara perrkataan yang mengandungi makna jenis dan mufrad (*tunggal*), begitu juga perkataan lain yang mengandungi makna jenis, seperti: يَهُودٌ، رُومٌ، ثُرُكٌ، عَرَبٌ (nama orang). Jika

perkataan tersebut dibubuhi *yā' nasab*, maka maknanya menjadi mufrad (*tunggal*), seperti عَرَبِيٌّ، ثُرُكِيٌّ، رُومِيٌّ، يَهُودِيٌّ (seorang Arab, seorang Turki,

seorang Rum, seorang Yahudi) Lihat juga Muḥammad Ṣalāh al-Dīn Muṣṭafā, (Jld.1, t.t. : 102). Jadi, perbezaan di antara *kata nama jamak* dan *jenis jamak* dalam BA adalah perkataan *jamak* yang tidak terdapat bentuk tunggalnya (*mufrad*) kecuali dari perkataan yang lain, dan *jenis jamak* yang terdapat bentuk mufradnya jika ditambah *tā' marbūṭat* atau *yā' nasab* pada ahir perkataan tersebut.

6.22 KN Jamak dan Jenis Jamak dalam BM

Dalam BM KN jamak dan jenis jamak (*the noun of plural & plural genus noun*) dikenali sebagai “Kata Nama Kumpulan” atau (*Hiponium*), iaitu suatu kata nama yang mengandungi makna kumpulan atau jenis golongan yang mengandungi berbagai-bagai ciri yang sama. Asmah Hj Omar (1993: 33) mengatakan:

'Kata nama kumpulan adalah kata nama yang melambangkan kumpulan yang mempunyai ahli-ahli yang memiliki beberapa ciri yang sama'.

Contoh:

Kata Nama Kumpulan	Ahli-ahlinya
(i) manusia	Muhammad, Omar, Karim, Hindun, Zainab..... (persamaanya berakal bukan haiwan)
(ii) binatang	lembu, kerbau, unta, kambing, ayam... (persamaanya bernyawa bukan manusia)
(iii) buah	durian, kelapa, mangga, pisang, rambutan (persamaanya dari bahagian tumbuh-tumbuhan yang berupa buah-buahan.

6.23 Aspek Persamaan dan Perbezaan

1-Dalam BA terdapat *kata jamak dan jenis jamak*. Sedangkan dalam BM hanya terdapat kata jamak, yang dikenali sebagai kata nama kumpulan (*hiponium*). Jenis perkataan ini sebenarnya mengandungi makna KN jamak, hanya BM tidak mengistilahkannya.

2-Perkataan *jenis jamak* dalam BA terdapat bentuk tunggalnya (*mufradnya*). Untuk mengetahui bentuk mufrad pada kata nama *jenis jamak* ialah dengan menambah *tā' marbūṭah* atau *yā' nasab* seperti pada contoh-contoh di atas. Ciri sedemikian ini tidak terdapat dalam BM

6.24 KN Kerja (*Ism fi'l*) dalam BA

Selain ism jamak di atas yang digolongkan sebagai kata jati (*jāmīd*), begitu juga *ism fi'l*. Bagi mengetahui ciri-cirinya maka terlebih dahulu harus merujuk definisi ism dan *fi'l*. *Ism* adalah perkataan yang menunjukkan makna, sama ada berupa benda konkrit mahupun abstrak, dan *fi'l* adalah kata kerja sama ada menunjukkan waktu lampau, kala kini atau yang akan datang. Dalam BA terdapat jenis perkataan yang mengandungi dua makna di atas, yang dikenali sebagai "*ism fi'l*", iaitu lafaznya *ism*, tetapi mengandungi makna *fi'l* (kata kerja). Menurut al-Asymūnīy (Lht. Ḥāsyiat al-Ṣabbān 1968. Jld. 3: 194) ism *fi'il* ialah:

هُوَ اسْمٌ تَابَ عَنْ فِعْلٍ مَعْنَى وَاسْتَعْمَالًا.

Maksudnya: *Ism fi'il* ialah kata nama yang menggantikan *fi'l* (kata kerja) dari segi makna dan fungsinya.

Berdasarkan kepada pengertian di atas, *ism fi'l* itu sebenarnya mengandungi dua makna, iaitu *ism* dan *fi'l*. Dinamakan ism kerana terdapat ciri-ciri sebagai kata nama, dan yang kedua ialah *fi'l* (kata kerja), kerana mengandungi makna *fi'l* (kata kerja) dalam fungsinya, yang dapat melakukan dan tidak dapat

dilakukan oleh perkataan yang lain. Contoh: صَمٌّ، مَعْنَى: أَسْكُتْ (ṣah, ertinya, diamlah). Untuk lebih jelas ikuti huraian pambahagian-pambahagian seperti berikut:

6.24.1 Jenis-Jenis KN Kerja (*Ism fi'l*)

Seperti kata kerja, menurut al-Ghalāyīnīy (1968: 155-158) *ism fi'il* juga dari segi maknanya terbahagi kepada tiga bahagian. Oleh itu terdapat kesamaan di antara kedua-duanya. Hal ini dapat dilihat pada bahagian-bahagian berikut:

6.24.1.1 KN Kerja Kala Lampau (*Ism Fi'l Maḍīy*)

Iaitu ism yang mengandungi makna kerja kala lampau (*fi'l maḍīy*), Contoh:

هَيْهَاتَ، مَعْنَى "بَعْدَ" (ertinya jauh)

شَتَانٌ، مَعْنَى: "اِفْتَرَقَ" (ertinya berpisah)

6.24.1.2 KN Kerja Kala Kini (*Ism Fi'l Muḍāri'*)

Iaitu ism yang mengandungi makna *fi'l muḍāri'*, iaitu kata kerja yang menunjukkan makna keterangan waktu kala kini atau yang akan datang.

Contoh:

أَفْ، مَعْنَى: اِتَضَجَرَ (ertinya perkataan tidak sopan).

أَوْءٌ، مَعْنَى: اِتَوَجَعُ (ertinya mengeluh kesakitan).

أَعْجَبَ (ertinya ajaib), Allāh berfirman :

﴿وَيَكُنُ اللَّهُ يُسْطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ﴾

Maksudnya: Aduhai, benarlah Allāh melapangkan rezeki bagi sesiapa yang Dia kehendaki dari pada hamba-hamba-Nya (Surah al-Qaṣaṣ : 82).

6.24.1.3 KN Kerja Perintah (*Ism Fi'l Amr*)

Kata nama kerja perintah, ialah ism yang mengandungi makna perintah.

Contoh:

أَسْكُتْ (ertinya diamlah), بمعنى :

إِسْتَجِبْ (ertinya perkenankanlah do'aku), بمعنى :

أَقْبِلْ (ertinya marilah), بمعنى :

- هَيَّا (ertinya cepatlah), بمعنى : اسْرِعْ

عَلَيْكَ الصَّدَقَ، بمعنى : الزَّمْ (ertinya : dekatilah), هَلُمَّ، بمعنى : اقْتَرِبْ

jagalah kebenaran). (Lht. Aḥmad al-Ḥāsyimīy 1354: 334). Penjelasan yang

dihuraikan di atas selari dengan apa yang dikatakan oleh Ibn Mālik (Jld. 2 t.t.:

302-303):

مَا تَابَ عَنْ فِعْلٍ لَكَ شَتَانٌ وَصَّةٌ "هُوَ اسْمُ فِعْلٍ وَكَذَا "أَوْةٌ وَمَّةٌ"


Maksudnya: Perkataan yang mengganti fi'l seperti *syattāna* شيطان (pisah/jauh), *صه* (diamlah), adalah ism fi'l, demikian pula *awwah* أوه (oh, aduh) dan *mah* مه (oh, tolong).

وَمَا بِمَعْنَى "أَفْعَلُ" كـ "آمِنٌ" كَثُرَ وَغَيْرُهُ كـ "وَيْ وَهَيْهَاتَ" نَزَرَ

Maksudnya: Juga termasuk ism fi'il iaitu perkataan yang mengandungi makna "perintah" seperti perkataan *āmīn* آمِن (kabulkanlah), dan selain yang mengandungi makna perintah seperti *ah* اهِ, menyatakan kagum) dan *hayhāta* هَيْهَاتَ (oh, jauh sekali).

وَالْفِعْلُ مِنْ أَسْمَانِهِ عَلَيْكَ وَهَكَذَا ذُوْكَ مَعَ إِلَيْكَ

Maksudnya: Dan termasuk ism fi'l seperti *عليك* (jar majrur mengandungi makna wajib ke atasmu), begitu juga *ذوْكَ* (zaraf, mengandungi makna peganglah), juga *إِلَيْكَ* (jar majrur mengandungi makna ambillah / terserah padamu).



23-Gambar Rajah 6.9 Pembahagian KN Kerja BA

6.25 KN Kerja (*Ism Fi'l*) dalam BM

Sejauh penyelidikan yang telah dilakukan, penulis tidak menjumpai persamaan kata nama yang dikenali sebagai "*ism fi'l*" (kata nama kerja) atau yang semakna dengannya dalam BM.

6.26 Aspek Persamaan dan Perbezaan

Sepertimana yang telah dijelaskan di atas bahawa BM tidak mengenali kata nama kerja, atau dikenali sebagai *ism fi'l* dalam BA. Ketidak adanya persamaan ini kerana kedua-dua bahasa tersebut berlainan rumpun. Oleh itu sangat wajar adanya suatu perbezaan pola perkataan di antara BA dan BM dalam KN ini.

6.27 KN Suara (*Ism al-Aṣwāt*) dalam BA

Selain daripada jenis-jenis perkataan jati yang telah disebutkan di atas, ada pula perkataan yang digolongkan sebagai kata nama jati (*ism jāmid*), iaitu KN suara (*ism aṣwāt*), yang bermaksud untuk mengungkapkan perintah atau suruhan kepada haiwan-haiwan, begitu juga untuk mengungkapkan bunyi-bunyian yang bersifat *tabi'ī*, seperti benda-bendaan. Pengertian ini diperkuatkan oleh Ibn mālīk (Jld.2 t.t.:306) yang mengatakan:

وَمَا بِهِ خُوطِبَ مَا لَا يَعْقِلُ مِنْ مُشَبِّهِ الْفِعْلِ صَوْتًا يَجْعَلُ

Maksudnya: *Ism aṣwāt* (kata nama suara) ialah perkataan yang digunakan seperti *ism fi'l*, iaitu untuk mengungkapkan bunyi haiwan yang tidak berakal.

كَذَّاءُ الَّذِي حِكَايَةُ كَقَبْ وَالزِّمُّ بِنَا التَّوَعَيْنُ فَهُوَ قَدْ وَجِبَ

Maksudnya: Demikian pula perkataan yang menunjukkan hikāyat, seperti qab (bunyi pedang, jika mengenai sasaranya). Menghukumi mabni terhadap kedua-dua kata nama tersebut adalah wajib.

Setelah penulis menghuraikan definisi KN suara, maka di bawah ini menurut ‘Abd Ḥamīd al-Sayid Ṭilab (tt. Jld 4: 17-21) jenis-jenis pembahagiannya:

6.27.1 Perintah Bagi Haiwan-Haiwan:

1- هَلَا- *hallā* kata nama seruan yang mengandungi makna perintah bagi kuda.

Contoh:

هَلَا يَأْكُلْ *hallā ya 'kul* (Makanlah).

b- هَيْدْ هَيْدْ *hid hid* Kata nama seruan yang mengandungi makna perintah bagi

unta,

هَيْدْ هَيْدْ يَأْكُلْ *hidhid ya 'kul* (Makanlah).

c- وَحْ *wah* Kata nama seruan yang mengandungi makna perintah untuk

lembu.

وَحْ يَأْكُلْ *wah ya 'kul* (Makanlah)...

d- أَوْ يَسْ *awbis*, Perintah untuk kuda. Contoh:

أَوْ يَسْ أَقْبِلْ (kemarilah).

e- أَوْ *awwa* (Kemarilah). Contoh:

أَوْ أَقْبِلْ (Kemarilah kuda)

e- دَجْ *daj* Perintah untuk ayam Contoh:

دَجْ أَقْبِلْ (Kemarilah ayam).

6.27.2 Tiruan Bunyi Haiwan dan Benda-Bendaan.


a- غَاقْ *ghāq* Bagi mengungkapkan bunyi burung gagak.

b- شَيْبْ *syib* bagi mengungkapkan bunyi unta yang sedang minum.

c- طَيْخْ *ṭikh* bagi mengungkapkan bunyi orang yang sedang tertawa.

d- فَاشْ مَاسْ *fāsy mās* bagi mengungkapkan bunyi kain yang sedang

digunting.



24-Gambar Rajah 6.10 Pembahagian Onomotopia (BA).

6.28 KN Suara (*Ism Aṣwāt*) Dalam BM

Kajian ini dalam BM dikenali sebagai "*Teori Onomatopeia*" iaitu bunyi-bunyian yang dihasilkan daripada alam atau haiwan. Bunyi-bunyian ini ditiru oleh manusia sesuai dengan kemampuannya meniru pada waktu itu. Dalam BM contoh yang sesuai adalah bunyi "*cak,cak*" yang kemudian ditambah dengan "*ci*" sehingga menjadi "*cicak*". Bunyi "*kur, kur, kur*" ditambah dengan bunyi "*te*" menjadi "*tekukur*" dan bunyi "*kerik,kerik*" ditambah "*ceng*" menjadi "*cengkerik*". Nama binatang tersebut kini kita kenali sebagai : *cicak*, *tekukur* dan *cengkerik* (Lht.Darwis Harahap 1994: 18)

Peniruan bunyi seperti yang telah diuraikan di atas bukan hanya dapat menerbitkan nama-nama, tetapi juga boleh menghasilkan perkataan-perkataan bagi sesuatu bunyi. Perkataan "*desir*" berasal daripada bunyi "*sir*" untuk suara angin . Perkataan "*desau*" berasal daripada bunyi "*sau*" untuk suara burung. Untuk lebih jelas perhatikan contoh-contoh seperti berikut:

- Suara angin *berdesir* dicela daun rimbun di lereng bukit yang sepi itu.
- Dari jauh lagi kami telah mendengar *desau* air menandakan perjalanan kami sudah hampir sampai.
- Dia mendengar bunyi anak burung *mencicit* dari sarang burung di ranting pokok tersebut.

6.29 Aspek Persamaan dan Perbezaan

1-Dalam BA dan BM terdapat perkataan *Onomatopea*, atau dikenali sebagai *ism al-aṣwāt* dalam BA, iaitu peniruan bunyi-bunyian yang bersifat *tabi'*,

sama ada lahir dari manusia, alam, atau haiwan, seperti pada contoh-contoh di atas.

2-Walaupun demikian, terdapat perbezaan yang berkaitan dengan pola morfologi, iaitu onomatopia (*ism aṣwāt*) dalam BA digolongkan kata nama jati (*jāmīd*) manakala dalam BM terdapat KN (onomatopia) yang digolongkan jenis nama terbitan, misalnya: *desir berdesir, cicit mencicit, desau berdesau*.

6.30 KN Tanya (*Ism Istifhām*) dalam BA

Perkataan lain yang digolongkan sebagai kata jati (*jāmīd*) adalah *ism istifhām*. Secara ringkas *ism istifhām* adalah kata yang mengandungi makna pertanyaan atau kata tanya, seperti man (مَنْ) hal (هَلْ) hamzah (أَ). Jenis-jenis dan contoh-contohnya seperti berikut:

- مَنْ , seperti مَنْ كَتَبَ (Siapa menulis).
- مَا , seperti: مَا هَذَا (Apa ini).

Catatan:

Jika *ism istifhām* “mā” didahului oleh huruf yang lain maka huruf alifnya harus digugurkan seperti: لِمَ لَمْ يَمْ عَمَّ (Mengapa). Contoh: لِمَ فَعَلْتَ هَذَا (Mengapa anda berbuat demikian)

مَتَىَ seperti متى ذهب محمد إلى المدرسة (bila Muhammad pergi ke Sekolah).

أَيَّانَ seperti أيَّانَ تُسافِرُ (bila anda bepergian).

كَيْفَ seperti كَيْفَ أَنْتَ (bagaimana anda).

أَيْنَ seperti أينَ محمد (Dimana Muhammad).

كَمْ seperti كَمْ طَالِبًا فِي الْفَصْلِ (Berapa pelajar di dalam kelas). (Lht.

Abduh al-Rājiḥī 1993: 659-65).

6.31 KN Tanya (*Ism Istifhām*) dalam BM

Ism istifhām dalam BM dikenali sebagai "*kata tanya*". Perkataan ini berfungsi bagi menanyakan suatu benda. Abdullah Hasan (1994: 233) mengatakan: "*Kata tanya berfungsi untuk menyoal*". Dalam BM, kata tanya boleh terdiri daripada bentuk partikel mahupun kata akar seperti jenis-jenis kata tanya seperti berikut:

1-Kata tanya berbentuk kata akar dan penggunaanny , Contoh:

-apa	mana
-mengapa	siapa
-berapa	kenapa
-bagaimana	bila.

Penggunaan *apa* adalah bagi menanyakan benda, *mana* bagi menanyakan tempat, *mengapa* dan *kenapa* bagi menanyakan sebab, *siapa* bagi menanyakan orang, *berapa* bagi menanyakan bilangan, *bagaimana* bagi menanyakan keadaan, dan *bila* bagi menanyakan masa.

2-Kata tanya berbentuk partikel *-kah* Contoh:

- siapakah orang yang datang semalam ?
- apakah pendapatnya ?
- bilakah masa yang sesuai untuk belajar ?
- mengapakah dia suka ?
- berapakah harganya ?
- bagaimanakah caranya ?
- manakah jawapannya ?
- kenapakah dia ketawa ?
- diakah datang semalam ?

Sepertimana yang telah diuraikan bahawa kata tanya dalam konteks ini dapat juga digolongkan sebagai "*kata ganti nama tanya*" iaitu kata yang menggantikan kata nama dalam pertanyaan, yang mempunyai dua ciri khas, iaitu ciri *ganti nama* dan ciri *pertanyaan*. (Lht.kata ganti tanya hal :)

6.32 Aspek Persamaan dan Perbezaan

1-Kedua-dua bahasa BA dan BM terdapat kata tanya, iaitu suatu perkataan yang berfungsi bagi menanyakan sesuatu benda.

2-Walaupun demikian terdapat sebahagian pertanyaan yang penggunaannya berbeza, iaitu seperti pertanyaan yang mengandungi pertikel *kah* dalam BM.

Pola kata tanya sedemikian ini tidak terdapat dalam BA, kerana ayat tanya. أَيْنَ

الجواب. boleh diertikan : *mana jawabannya* dan *manakah jawabannya* . Kedua-dua

makna itu betul. Namun bezanya mungkin pertikel *kah* bertujuan bagi menguatkan makna.

3-Perbezaan yang lain dari segi penamaannya. Kajian ini dalam BM dikenali sebagai “kata ganti tanya”, sedangkan dalam BA dikenali sebagai “*ism al-istifhām*” (kata nama yang berfungsi sebagai kata tanya), atau *adawāt al-Istifhām* (pertikel tanya).

6.33 KN Syarat (*Ism Syarat*) dalam BA

Jenis perkataan lain yang digolongkan sebagai kata nama jati (*jāmīd*) dalam BA ialah “*ism syarat*” iaitu ism yang menjazamkan dua kata kerja (*fi’l*), yang pertama disebut *fi’l syarat*, dan yang kedua disebut *jawab syarat*. (Lht. Ahmad al-Hāsyimy: 344-345), seperti contoh-contoh yang berikut:

1 -Man مَنْ (siapa), seperti: مَنْ يَفْعَلْ خَيْرًا يَجِدْ خَيْرًا (Barang siapa yang berbuat

baik, maka akan mendapat balasan yang baik). Allāh berfirman:

﴿وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا﴾

Maksudnya: Sesiapa yang bertaqwa kepada Allāh maka ia akan mendapatkan kemudahan. (Surah al-Talāq: 2).

2 -Mā ما (apa), seperti firman Allāh:

﴿وَمَا تَفْعَلُ مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمُهُ اللَّهُ﴾

Maksudnya:Apapun yang kamu lakukan daripada kebaikan niscaya Allāh mengetahuinya(Surah al-Baqarah: 197)..

3 -Mahmā مهما (bagaimana), Contoh:

﴿مَهْمَا تَعْمَلُ يَعْلَمُهُ اللَّهُ﴾ (bagaimana sahaja yang kamu lakukan, maka Allah

mengetahuinya. Dan Allah berfirman:

﴿وَقَالُوا مَهْمَا تَأْتِنَا بِهِ مِنْ آيَةٍ لِنُحْجِرَ بِهَا فَمَا نَحْنُ لَكَ بِمُؤْمِنِينَ﴾.

Maksudnya: Mereka berkata : "Bagaimanapun kamu mendatangkan keterangan kepada kami untuk menyalahkan kami dengan keterangan itu , maka kami sekali-kali tidak akan beriman kepadamu". (al-A'raf :132).

4 -Matā متى (bila), Contoh:

- متى تُسَافِرُ تَجِدُ عَوَضًا عَمَّنْ تَفَارِقُهُ - (Jika kamu berpergian, maka kamu akan

mendapatkan ganti sesiapa yang kamu tinggalkan).

5 -Ayyāna أيان (bila), Contoh:

- أَيَّانَ تَأْتِي أُحْرِمُكَ - (Apabila kamu datang, maka akan saya hormati).

6-Ayn أين (di mana), Contoh:

- أين تذهب أذهب (Ke mana kamu pergi saya akan pergi). Allāh Berfirman:

﴿أَيْنَمَا تَكُونُوا يُدْرِكُكُمُ الْمَوْتُ﴾

Maksudnya: Di mana sahaja kamu berada maka mati akan menjumpai kamu. (Surah al-Nisā':78).

7-Annā أنى (bagaimana) Contoh:

- أنى تُسافر تجد راحة (bagaimana / kemana pun kamu pergi, maka akan

mendapatkan keselesaan).Allāh berfirman:

﴿فَأَنفُوا حَرْثَكُمْ أَنَّى شِئْتُمْ﴾

Maksudnya: Maka datangilah tempat tanah bercocok tanam-mu itu bagaimana kamu kehendaki. (al-Baqarah :223).

8-Haithumā حيثما (ke mana sahaja), Contoh:

- حيثما تذهب تجد صديقاً (Ke mana sahaja kamu pergi, maka kamu akan

mendapat kawan).

9-Izā إذا (apabila / jika). Contoh:

- إِذَا جَاءَ زَيْدٌ فَكْرَمُهُ (jika Zaid datang maka akan saya hormati). (Lht. Abd

Ḥāmid Sayyid Ṭilab. Jld.4 t.t. :183-193). Jenis-jenis dan ketentuan di atas seperti yang diperkatakan oleh Ibn Mālik (Jld.2 t.t.: 364) :

وَاجْزِمِ يَانَ وَمَنْ وَمَا وَمَهُمَا أَيُّ مَتَى أَيَّانَ أَيْنَ إِذَا

وَحَيْثُمَا أَلَى وَخَرَفَ إِذَا كَ، إِنَّ وَبَاقِي الْأَدَوَاتِ أَسْمَا

Maksudnya: Dan jazamkanlah dengan 'إِنَّ in, مَنْ man' mā, إِذَا idhmā, أَيُّ ayyūn, مَتَى matā' ayyāna, أَيْنَ ayna, وَمَنْ mā, وَمَا mā, وَمَهُمَا mahm, حَيْثُمَا haythumā, dan أَلَى annā. Izmā إِذَا adalah berupa huruf seperti in (إن), sedangkan yang lainnya adalah berupa kata nama (ism).

Perlu dijelaskan di sini bahawa semua kata yang menunjukkan syarat digolongkan sebagai kata nama selain إِنَّ in dan إِذَا idhmā, kerana kedua-

duanya adalah huruf. Untuk lebih jelas lihat senarai jadual di bawah ini:

1-Jadual 6.1 Jenis-Jenis KN Syarat

1	إِنَّ	Huruf	إِنَّ تَكُنْ تَخْسُرُ Jika anda malas maka anda akan rugi
2	إِذَا	Huruf	إِذَا تَعْلَمُ تَقْدَمُ

			Jika anda belajar maka anda akan maju
3	مَنْ	Ism	مَنْ يَطْلُبُ يَجِدْ Sesiapa yang mencari maka akan dapat
4	مَا	Ism	مَا تَعَلَّمْ فِي الصَّغَرِ يَنْفَعُكَ فِي الْكِبَارِ Apa yang anda belajar diwaktu kecil maka akan memberi manfaat diwaktu besar
5	مَهْمَا	Ism	مَهْمَا تَأْمُرْ بِالْخَيْرِ أَفْعَلْهُ Selama anda menyuruh melakukan kebaikan maka saya akan melakukannya
6	أَيُّ	Ism	أَيُّ تُكْرِمُ أَكْرِمِ Jika anda menghormati maka saya menghormatinya.
7	كَيْفَمَا	Ism	كَيْفَمَا تُوجِّهُ أَتَوَجَّهْ Kemana sahaja anda menuju maka saya mengikut arahnya.
8	مَتَى	Ism	مَتَى تَمُتْ تَعْرِفْ Jika anda meninggal maka anda akan tahu.

9	أَيْنَمَا	Ism	أَيْنَمَا تَذْهَبُ أَذْهَبُ Kemana sahaja anda pergi maka saya pergi.
10	إِنِّي	Ism	إِنِّي تَسْأَلُنِي أَجِبْكَ Apa sahaja anda bertanya kepadaku maka akan ku jawab.
11	أَنَّى	Ism	أَنَّى يَأْتِي عَالَمٌ يَكْرَمُ Bila orang 'ālim datang maka ia akan dihormati
12	حَيْثُمَا	Ism	حَيْثُمَا تَخْرُجُ أَخْرُجُ Kemana sahaja anda keluar maka saya pun keluar.

6.34 KN Syarat (Ism Syarat) dalam BM

Dalam BM, ism syarat dikenali sebagai “Kata Sendi Penambat Syarat”. Maksud *kata sendi* adalah perkataan-perkataan yang bertugas untuk menghubungkan perkataan-perkataan rangkai kata dan bahagian-bahagian ayat. Sedangkan *kata nama syarat* adalah perkataan-perkataan yang dipakai untuk menyatakan syarat kepada penyempurnaan maksud ayat utama, termasuk

digolongkan ke dalam bahagian ini adalah perkataan: *jika, kalau, jikalau, seandainya, andaikata, asalkan, sekiranya* seperti dalam contoh-contoh di bawah ini:

- Jika* dibenarkan tentu saya akan pergi juga.
- Kalaulah* aku ini orang kaya, masjid itu akan kami perbaharui
- Jikalau* hujan berterusan sekalipun, kau tetap tak layak jadi orang tani.
- Andaikata* aku ini burung, akan selalu ku kunjungi Tajmahal itu.
- Kau boleh ikut bersama kami *asalkan* kau tidak merepotkan
- Kami bernazar akan mengadakan kenduri arwah, *sekiranya* kami lulus peperiksaan.
- Kita boleh pergi menyertai rombongan itu, *seandainya* kita punya wang.

(Lht. Arbak Othman 1985 :180)

6.35 Aspek Persamaan dan perbezaan

Dalam kedua dua bahasa BA dan BM terdapat perkataan yang dikenali sebagai *ism syarat* dalam BA dan *KN syarat* dalam BM, dan mengandungi maksud serta tujuan yang sama, namun terdapat perbezaan-perbezaan yang berkenaan dengan tata bahasa.

1-Kata nama syarat BM dikenali sebagai penghubung syarat, dan tidak digolongkan sebagai kata nama.(Asmah 1980: 182), sedangkan dalam BA kata syarat digolongkan salah satu jenis kata nama jati (*jāmid*), kecuali dua kata syarat di atas, iaitu *إن* dan *إذا*.

2-Di samping itu, oleh kerana BA merupakan bahasa yang *mu'rab*, maka kata nama syarat dalam BA berfungsi *menjazamkan* dua fi'l (kata kerja selepasnya),

iaitu yang pertama pada *fi'l syaraʿ* dan yang kedua pada *jawab syaraʿ*. Ciri sedemikian ini tidak terdapat dalam BM, kerana BM tidak mengenal *I'rab*.

6.36 Penutup

Dari huraian di atas dapat disimpulkan bahawa KN jati BA seperti yang telah disebutkan terdapat persamaan dan perbezaannya dalam BM, walaupun terdapat perbezaan-perbezaan, seperti:

(i) pada GN

a-GN pertanyaan dalam BM persamaannya dalam BA ialah *ism istifhām* (pertikel Tanya).

b-GN penunjuk dalam BM persamaannya dalam BA ialah *ism isyārāt* (KN penunjuk).

c-GN penghubung dalam BM persamaannya dalam BA ialah *ism mawṣūl*.

(ii) dalam K Bilangan.

a-kata bilangan pecahan dalam BM persamaannya dalam BA adalah jenis perkataan biasa, tidak digolongkan kata bilangan.

b-dalam BM terdapat jenis kata bilangan berimbuhan. Jenis perkataan ini dalam BA digolongkan KN terbitan, bukan KN jati.

(iii) dalam kajian ini terdapat jenis kata majmuk yang digandakan dalam BM, yang tidak terdapat dalam BA.

(iv) terdapat jenis perkataan jamid dalam BA yang tidak ada persamaannya dalam BM, seperti *ism fi'il amar*.

Notis:

Dalam kaitan ini perlu dijelaskan bahawa dalam BA terdapat beberapa perkataan nama jati (*jāmid*), yang sepatutnya turut dihuraikan dalam bab ini. Akan tetapi perkataan – perkataan tersebut telah dihuraikan dalam bab lain, seperti kata *nama taṣghīr* (lht: 169), kata *nama nasab* (lht: 184) *maṣdar ṣināʿī*, (lht: 17), dan kata *nama unggulan* (lht: 172).